



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

مانیسش ایمان

RASULULLAH Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya :
“Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada
Hari Raya Korban yang lebih disukai Allah dari menumpahkan darah
(menyembelih binatang korban). Sesungguhnya binatang korban
itu akan datang pada hari kiamat bersama tanduk, bulu
dan kukunya dan darah (bintang sembelihan) itu akan jatuh
di suatu tempat (yang mulia) di sisi Allah sebelum ia jatuh ke bumi.
Oleh itu perelokkanlah korban kamu.”
- (Hadis Riwayat At-Tirmizi)

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.35 SUBUH 4.45 SYURUK 6.09 DUHA 6.34 ZUHUR 12.23 ASAR 3.49 MAGHRIB 6.34 ISYAK 7.50

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 74

19 JUN 2024 / 1445 12 ذو الحجه

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

BERKENAN KURNIA AGIHAN DAGING IBADAH KORBAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Jun. - Pengagihan daging-daging Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda bersempena menyambut Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi berlangsung hari ini di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman, di sini.

>> Muka 3



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan mengurniakan daging ibadah korban kepada penerima khas.

Banyakkan istighfar untuk kebahagiaan dunia akhirat

Oleh : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Jun. - Buku 'Keutamaan Taubat' sedikit sebanyak dapat menyuntik kesedaran betapa mustahaknya taubat itu dilakukan oleh semua kita yang bernama hamba Allah kerana tidak ada siapa yang tidak berdosa yang tidak perlu bertaubat.

Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned mengingatkan perlu segera bertaubat, jangan lengah dari bertaubat dan lazimkan bertaubat.

Sesungguhnya kata Yang Berhormat, orang yang melazimkan taubat akan dibebaskan oleh Allah daripada segala macam dukacita atau kesusahan, dari kesempitan hidup, sebagaimana Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda riwayat Ibn Majah (bermaksud) : "Barang siapa yang melazimkan Istighfar (taubat) nescaya Allah membebaskannya dari segala macam kesusahan, melepaskannya dari segala kesempitan dan mengurniakannya rezeki yang tidak disangka-sangka".

>> Muka 8

Majlis Ibadah Korban anjuran Kementerian Pertahanan

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Jun. - Kementerian Pertahanan petang tadi mengadakan Majlis Ibadah Korban bersempena dengan Hari Raya Aidiladha Tahun 1445 Hijrah, bertempat di Surau Ad-Difa', Bolkiah Garison dan seluruh surau di perkhemahan-perkhemahan.

Majlis Ibadah Korban tersebut dilaksanakan bagi melahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dalam meningkatkan keimanan dan ketakwaan,

di samping memberi peluang Kementerian Pertahanan melaksanakan ibadah sunat serta memeriahkan Hari-Hari Kebesaran Islam.

Hadir pada majlis tersebut dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging-daging korban, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejor Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

>> Muka 7

4 anak yatim terima Biasiswa Anak Yatim

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Jun. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) mengadakan Majlis Penyampaian Surat Lantikan bagi Program Biasiswa Anak Yatim bagi Tahun Akademik 2023 dan Tahun Akademik 2024 kepada empat anak yatim yang terpilih untuk mengikuti Program Bank Islam Brunei Darussalam Advocating Life-Long Learning for an Aspiring Future (BIBD ALAF) dengan dibiayai melalui dana Tabung Anak-Anak Yatim di bawah JAPEM.

Penyampaian surat lantikan tersebut disempurnakan oleh Menteri Kebudayaan,

Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, pada majlis yang berlangsung di Bilik Kunjungan, bangunan KKBS, di sini.

Program Biasiswa Anak Yatim merupakan salah satu inisiatif KKBS yang telah bermula semenjak 7 Februari 2022, dan diharasarkan untuk meningkatkan impak serta objektif Tabung Anak-Anak Yatim di bawah kendalian JAPEM, di mana sumbangan derma dari orang ramai juga akan disalurkan bagi membayai pembelajaran melalui Program BIBD ALAF, sehingga tamat peperiksaan 'O' Level.

>> Muka 7



Berita Utama



ASNAF fakir miskin terima agihan daging korban

Muka 8



PENGURUSAN ibadah korban berjalan lancar

Muka 11



46 pegawai JKED terima kenaikan epaulette

Muka 12



RENCANA
KEBERSIHAN pantai tanggungjawab kita bersama

Muka 21



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam Titah Perutusan sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Istana Nurul Iman.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillaahi Rabbil 'Aalameen,
Wabihee Nasta'eenu
'Alaa Umuuriddunya,
Waddeen Wassalaatu Wassalaamu
'Alaa Asyrafil Mursaleen,
Sayyidinaa Muhammadin Wa'alaa
'Alihie Wasabihee Ajma'een,
Waba'du

ALLAHUAKBAR, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd. Aidiladha menjelang lagi. Aidiladha bererti Hari Raya Korban. Kita umat Islam digalakkan berkurban dengan menyembelih binatang korban. Pahala berkurban itu sangat besar untuk dijawat di akhirat kelak.

Oleh itu, bagi siapa yang mampu, marilah sama-sama berkurban. Peluang berkurban itu boleh didapat cuma sekali sahaja dalam

Pahala Korban sangat besar dijawat di akhirat

setahun.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.

Kalau berkurban di luar Aidiladha, lagi banyak macamnya, seperti berkurban membangun masjid, berkurban menyantuni fakir miskin dengan sedekah, berkurban memelihara anak-anak yatim, berkurban membantu mangsa-mangsa banjir, mangsa-mangsa kebakaran dan lain-lain, berkurban menyantuni warga emas dengan penceran tua, berkurban memelihara saudara-saudara baharu dengan membantu dan menyampaikan bimbingan-bimbingan keugamaan dan lain-lain.

Semua itu, juga namanya berkurban, yang dijanjikan oleh Allah ganjaran pahala bagi siapa yang melakukannya.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.

Peluang berkurban adalah sentiasa terbuka bagi kita orang-orang Islam, misalnya berkurban dengan mengisi Tabung Kemanusiaan rakyat Palestin yang sedang berjuang mempertahankan ugama, bangsa dan negara mereka. Pengorbanan jenis ini malah boleh disifatkan sebagai pengorbanan tertinggi kerana tujuannya yang suci pada jalan Allah.

Negara Brunei Darussalam selama-lamanya berpendirian supaya perang yang berat sebelah ini segera ditamatkan, dengan rakyat yang tidak berdosa dihormati hak-hak mereka untuk menikmati keamanan, kesentosaan dan kebebasan.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.

Kepada para Jemaah haji kita di Tanah

Suci, hendaknya jangan lupa, di samping berdoa untuk negara sendiri, berdoalah juga untuk saudara-saudara seugama di mana sahaja, khasnya saudara-saudara rakyat Palestin yang sedang berendam air mata.

Doa adalah pernyataan simpati dan kasih sayang terhadap orang didoakan. Perkara ini sangat disuruh oleh ugama, sehingga Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, ada menjelaskan dalam beberapa hadis Baginda, di antaranya :

- Hadis pertama riwayat At-Tirmizi daripada Abdullah bin 'Amr, maksudnya : "Orang-orang yang pengasihan akan dikasihani oleh Ar-Rahman (Allah). Kasihnilah siapa yang di bumi, nescaya akan dikasihani oleh siapa yang di langit."

- Hadis kedua yang disepakati, bermaksud : "Barang siapa yang tidak mengasihani manusia, dia tidak akan dikasihani oleh Allah."

Hadis-hadis ini jelas menjadi dalil kuat, supaya kita mengasihani sesama hamba, terutama terhadap mereka yang menjadi mangsa kezaliman atau lain-lain musibah.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.

Demikian itu indahnya ajaran Islam dalam konteks berkurban. Pengorbanan dalam Islam adalah sangat luas dan menyeluruh, termasuk perbuatan bersympati dan mendoakan saudara muslim adalah juga termasuk pengorbanan. Kerana itu ganjarannya adalah istimewa bagi siapa yang melakukannya.

>> Muka 7

SIDANG PENGARANG

19 JUN 2024

Ibadah korban miliki pelbagai hikmah, kelebihan

ALHAMDULILLAH sebilangan masyarakat kita di Negara Brunei Darussalam dapat melaksanakan ibadah korban sebagai tanda takwa dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala rezeki yang dikurniakan-Nya. Ibadah korban dihukumkan sebagai Sunat Muakkad iaitu sunat yang dituntut dan amalan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga sentiasa menggalakkan para sahabat Baginda melakukan ibadah korban kerana ia mempunyai hikmah dan kelebihan yang memberikan kebaikan kepada diri kita, agama dan masyarakat.

Seperti mana yang terkandung dalam Khutbah Hari Raya Aidiladha baru-baru ini ada menyatakan bahawa ibadah korban yang dilaksanakan oleh umat Islam pada setiap tahun pada bulan Zulhijah, tidak wajar hanya dilihat sebagai suatu adat atau tradisi sesuatu kelompok masyarakat kerana ibadah korban itu sebenarnya mempunyai beberapa tujuan dan hikmah yang perlu dihayati.

Antaranya adalah untuk mengingati peristiwa pengorbanan teragung Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail Alaihissalam yang mana pengorbanan tersebut benar-benar menguji kesabarahan dan kesungguhan mereka berdua dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Selain itu, hikmah yang terdapat dalam pelaksanaan ibadah korban bukan sahaja untuk dicapai oleh individu yang berkurban sahaja bahkan juga bagi pihak yang diagih-agihkan daging korban tersebut, antaranya golongan fakir dan miskin. Ketika inilah mereka yang berkurban berpeluang menggembirakan golongan ini dengan mengongsikan nikmat dan rezeki semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Di samping itu, ibadah korban yang dilaksanakan bukan sahaja sebagai satu ibadah yang menghasilkan ganjaran pahala bahkan medan tarbiah dalam membentuk sifat mahmudah dan nilai-nilai Islam yang luhur dalam diri seseorang.

Antara sikap terpuji yang dapat dibentuk melalui ibadah korban ialah menanamkan sifat ikhlas dalam melaksanakan apa jua ibadah yang diperintahkan oleh syariat Islam; menyemai sikap sentiasa bersyukur kerana salah satu hikmah pensyariatan ibadah korban adalah untuk melahirkan kesyukuran ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat hidup yang dikurniakan-Nya; Mengasuh diri dengan sikap bersabar terhadap apa jua ujian yang ditempatkan dalam kehidupan; dan menyemai sikap belas kasihan da tolong-menolong terhadap golongan yang tidak berkemampuan.

Oleh itu, bagi yang berkesempatan dan berkemampuan melaksanakan ibadah korban akan meningkatkan lagi ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan mudah-mudahan ibadah korban yang dilaksanakan itu akan menambahkan lagi rezeki dan mendapat berkat serta dijauhi dari segala musibah dan malapetaka. Aamiin Ya Rabbal Alamiin.

- Ketua Penyuntingan (Rd)

WAKTU SEMBAHYANG										
Jun MASIHI	HARI	Zulhijah HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
19	RABU	12	4 . 35	4 . 45	6 . 09	6 . 34	12 . 23	3 . 49	6 . 34	7 . 50
20	KHAMIS	13	4 . 35	4 . 45	6 . 10	6 . 34	12 . 23	3 . 49	6 . 34	7 . 50
21	JUMAAT	14	4 . 35	4 . 45	6 . 10	6 . 34	12 . 23	3 . 49	6 . 34	7 . 50
22	SABTU	15	4 . 35	4 . 45	6 . 10	6 . 34	12 . 23	3 . 49	6 . 34	7 . 50
23	AHAD	16	4 . 35	4 . 45	6 . 10	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51
24	ISNIN	17	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51
25	SELASA	18	4 . 36	4 . 46	6 . 11	6 . 35	12 . 24	3 . 50	6 . 35	7 . 51

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU	KHAMIS	JUMAAT
Bandar Seri Begawan		
33 °C	33 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pejabat		
32 °C	33 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Bangar		
32 °C	33 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Tutong		
33 °C	32 °C	32 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Kuala Belait		
33 °C	33 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Wajahulam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		
www.met.gov.bn		

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn |  2382891 / 2383400 Smb. : 217 |  2381004 |  www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتک اوله جاین فراغن، جاین فردن منتری دان چیتیق اوله فرین قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

BERKENAN KURNIA AGIHAN DAGING IBADAH KORBAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang
Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji
Awang Abas

>> Muka 1

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat diraja dijunjung oleh Pengerusi-pengerusi Bersama Majlis dan Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat baginda dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha di Istana Nurul Iman bagi Tahun 1445H / 2024M.

Berangkat sama, paduka-paduka anakanda dan adinda

Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Pengiran Raabi'atul Adawiyah binti Pengiran Haji Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Isteri Anisha Rosnah binti Adam; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan berangkat pada Majlis Pengagihan daging-daging Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat baginda bersempena menyambut Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Yang Amat Mulia Pengiran Bini Hajah

Faizah binti Dato Haji Nasir; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul

Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

>> Muka 4



BERANGKAT sama, paduka-paduka anakanda dan adinda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam (atas, kiri, bawah kiri dan bawah).



BAGI memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan (atas). Manakala gambar kanan, selawat diperdengarkan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan serta guru-guru ugama dari Jabatan Pengajian Islam, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, belia-belia masjid Jabatan Hal Ehwal Masjid, serta penuntut-penuntut Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan mengurniakan daging ibadah korban kepada penerima khas yang terdiri daripada asnaf fakir dan miskin daripada seluruh negara.

>> Muka 3

Juga berangkat, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Majeedah Nuurul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Hafizah Sururul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Ameerah Wardatul Bolkiah; Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Amal Umi Kalthum Al-Islam serta ahli-ahli kerabat diraja yang lain.

Sebelum majlis dimulakan, selawat diperdengarkan daripada pegawai-pegawai dan kakitangan serta guru-guru ugama dari Jabatan Pengajian Islam, pensyarah, pegawai dan kakitangan serta mahasiswa Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, belia-belia masjid Jabatan Hal Ehwal Masjid, serta penuntut-penuntut Institut Tahfiz

Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dipersembahkan oleh Johan Musabaqah Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan Tahun 2020 dan 2024 Masihi, Awang Haji Mohammad bin Ali.

Sementara Tadabbur Ayat pula disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Unit Kaunseling dan Kefahaman Ugama, Jabatan Hal Ehwal

Syariah, Awang Mohammad Yusof bin Haji Abdul Majid.

Sejurus itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia kemudiannya berkenan mengurniakan daging-daging ibadah korban kepada penerima khas yang terpilih daripada seluruh negara terdiri dari seramai 50 penerima khas lelaki, sementara Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri pula berkenan mengurniakan daging ibadah korban kepada 50 penerima khas perempuan.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Pada tahun ini, sebanyak 184 ekor sapi dan 14 ekor kambing dikorbankan, dan sebahagian daging ibadah korban sunat tersebut diagihkan kepada sejumlah 14,944 orang iaitu asnaf fakir dan miskin, serta ibu-ibu tunggal berserta tanggungan di seluruh negara.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha di Dewan Persantapan Diraja, Istana Nurul Iman bagi Tahun 1445H / 2024M (atas dan kiri).



SUASANA sekitar pada majlis berkenaan di Istana Nurul Iman (kiri dan kanan).

KEBAWAH DYMM BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT AIDILADHA



Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang
Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji
Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berangkat menuaike Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha. Juga berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah (atas kiri, atas kanan, bawah kiri dan bawah kanan).

KIARONG, Isnin, 17 Jun. - Ibadah korban yang dilakukan oleh umat Islam pada setiap tahun di dalam bulan Zulhijah ini tidak wajar dilihat sebagai satu adat atau tradisi sesuatu kelompok masyarakat kerana ibadah korban itu sebenarnya mempunyai beberapa tujuan atau rahmat yang perlu dihayati bersama.

Demikian antara inti pati Khutbah Pertama Aidiladha 1445 Hijrah bersempena meraikan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini yang diamarahkan dengan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha di Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong antara

tumpuan utama selain beberapa masjid utama di daerah masing-masing.

Berangkat mengimarahkan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha dan mendengarkan khutbah bersama jemaah yang hadir ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat, paduka-paduka anakanda dan adinda baginda,

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM); Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah.

Semasa khatib di atas mimbar seterusnya membacakan, mengingati peristiwa pengorbanan teragung Nabi Ibrahim Alaihissalam dan puteranya Nabi Ismail Alaihissalam pengorbanan yang sebenar-benar menguji kesabaran dan kesungguhan mereka berdua di dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

"Kita dapat bayangkan betapa berat dan susahnya untuk melaksanakan perkara yang diperintahkan oleh Allah kepada Nabi Ibrahim Alaihissalam iaitu menyembelih anak kesayangannya Nabi Ismail Alaihissalam," jelas Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Mat Dain @ Maidin ketika menyampaikan khutbah.

Namun atas dasar mentaati perintah Allah, katanya, kedua-dua mereka tetap patuh melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah

itu tanpa mempedulikan risiko akibat melaksanakan perintah tersebut iaitu kematian Nabi Ismail Alaihissalam.

"Inilah namanya pengorbanan yang hebat semata-mata untuk melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Jika bukan kerana ketaatan yang didasari oleh keimanan dan ketakwaan yang tinggi mungkin sahaja perintah yang sangat berat ini diabaikan atau sekurang-kurangnya ditangguhkan dengan mengajukan pelbagai alasan bahkan mungkin juga akan dirayu untuk dikurangkan atau digantikan dengan perintah yang lainnya.

"Tetapi apa kesudahan yang mereka dapat setelah mereka melaksanakannya? Al-Quran telah merakamkan natijah atau ganjaran ketaatan mereka iaitu Allah menyelamatkan Nabi Ismail Alaihissalam dan dia ditebus dengan haiwan sembelihan," katanya lagi. Demikian kekuasaan dan kemurahan Allah Subhanahu Wata'ala di dalam menggembirakan orang-orang yang taat kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Sementara dalam Khutbah Kedua menerangkan bahawa dalam suasana kita menyambut Hari Raya ini kita tidak lupa mengenang saudara mara kita jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang berada di Tanah

Suci.

"Mereka adalah sebahagian daripada jutaan saudara-saudara kita sedunia yang menuaike ibadah haji tahun ini. Mereka adalah hamba-hamba Allah yang beruntung diperkenankan dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala menjadi tetamunya di Tanah Suci pada tahun ini. Kita mendoakan semoga mereka sentiasa dalam perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala," jelas Dato Seri Setia Dr. Haji Japar lagi.

Tambahnya, dalam kita berhari raya dengan suasana aman, tenang, selamat dan selesa seperti yang kita rasakan ini, kita juga tidak lupa mengenang kepada ribuan, malah ratusan ribu saudara-saudara seagama kita yang terperangkap dalam kacauilau, dalam huru-hara dan dalam kemusnahan perang di tanah air mereka seperti saudara kita yang berada di Palestin.

Bagi kita yang bermastautin di tanah air dalam suasana aman dan damai ini, wajarlah mengambil ikhtiar, bahawa kita sekarang dan generasi kita yang akan datang hendaklah tidak bersikap terlalu selesa dan mengambil ringan akan keadaan aman damai, keadaan selamat dan sejahtera, keadaan makmur dan jaya yang ada pada masa ini.

>> Muka 6



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Mat Dain @ Maidin ketika menyampaikan khutbah (bawah).



BERKENAN MENYEMPURNAKAN PENYEMBELIHAN IBADAH KORBAN



KIARONG, Isnin, 17 Jun. - Sebanyak 198 ekor haiwan korban iaitu 184 sapi dan 14 kambing dikorban pada tahun ini bagi Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Manakala penyembelihan haiwan-haiwan korban Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat baginda yang selebihnya disempurnakan di Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd., Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan di Kawasan Pertanian Kampung Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong dan Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak di Lot G, Projek Ladang Ternakan Lampaki, Jalan Mulaut Lampaki, Kampung Mulaut.

Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat diraja ke pekarangan Jame' 'Asr Hassani Bolkiah dijunjung oleh Pengurusan Pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Hajji Mohamed Alam serta kerabat baginda bersempena dengan Hari Raya Aidiladha Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Berangkat pada majlis berlangsung di Pekarangan Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong sejurus selepas Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha di sini ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Juga berangkat paduka-paduka anakanda dan adinda baginda, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik; dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen juga berkenan menyempurnakan penyembelihan ibadah korban (kanan dan kanan sekali).

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan penyembelihan ibadah korban.

Saleha serta kerabat baginda bersempena dengan Hari Raya Aidiladha Tahun 1445H / 2024M.

Pada majlis tersebut, sebanyak empat ekor kambing disempurnakan penyembelihannya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia serta diikuti paduka-paduka anakanda baginda.

Manakala penyembelihan haiwan-haiwan korban Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat baginda yang selebihnya disempurnakan di Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd., Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan di Kawasan Pertanian Kampung Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong dan Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak di Lot G, Projek Ladang Ternakan Lampaki, Jalan Mulaut Lampaki, Kampung Mulaut.

Pada tahun ini, sebahagian daging ibadah korban sunat tersebut diagiarkan kepada sejumlah 14,944 orang iaitu kepada asnaf fakir dan miskin berserta tanggungan di seluruh negara.

Aidiladha adalah hari yang dibesarkan dengan ibadah korban. Ibadah korban itu adalah

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman, Muhammad Asri Haji Awang Abas



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyempurnakan penyembelihan ibadah korban.

ibadat yang berasal daripada syariat Nabi Ibrahim Alaihissalam, kemudian Allah Subhanahu Wata'ala mensyariatkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada Tahun Kedua Hijrah. Sesungguhnya agama Islam telah mensyariatkan ibadah korban itu sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Pada hari ini, umat Islam yang berkemampuan tidak mahu melepaskan peluang untuk melakukan ibadah korban iaitu menyembelih binatang sebagai tanda takwa dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Pada hari ini, umat Islam yang

Allah Subhanahu Wata'ala atas segala rezeki yang dikurniakkannya.

Ibadah korban merupakan amalan yang dihukumkan sebagai Sunat Muakkadah iaitu sunat yang sangat ditutut dan amalan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga sentiasa menggalakkan para sahabat Baginda melakukan ibadah korban kerana ibadah korban itu mempunyai banyak hikmah dan kelebihan yang memberi kebaikan kepada diri kita, agama dan masyarakat.



Kebawah DYMM berangkat menuaike Sembahyang Sunat Aidiladha

>> Muka 5

Kutbah seterusnya menekankan, nikmat-nikmat yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita ini, hendaklah sentiasa disyukuri. Antara cara mensyukuri nikmat-nikmat Allah itu ialah dengan memanfaatkan segala yang dinikmati itu ke arah kebaikan, sentiasa meningkatkan usaha dan kewaspadaan.

"Kita waspada sebarang anasir-anasir yang berniat jahat dan yang cuba melakukan kerosakan. Kita semua adalah bertanggungjawab mengekalkan keamanan dan keselamatan di negara kita ini. Kita bertanggungjawab juga memberikan jaminan keselamatan dan keamanan kepada anak cucu

kita, zuriat dan generasi penerus di masa hadapan.

"Maka kita sangat yakin bahawa cara untuk mengekalkan keamanan yang aman dan selamat pada masa sekarang dan untuk zuriat kita pada masa akan datang ialah dengan meneguhkan pegangan dan keyakinan kepada agama Islam. Kita berusaha dan berdoa memohon pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar Negara Brunei Darussalam kekal aman dan damai, sentiasa selamat dan sejahtera, dilimpahkan kemakmuran dan keberkatan, kekal berdaulat dan maju jaya dengan pemerintahan beraja yang berpaksikan Islam. Amin Ya Rabbal Alamin," tegasnya lagi.

Terdahulu, keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara,

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugamma, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad

dan Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut menjunjung keberangkatan, Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah; Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugamma, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad

Tashim bin Pengiran Haji Hassan. Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha Berjemaah diimamkan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Sejurus selesai Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan paduka-paduka anakanda dan adinda seterusnya berkenan menerima junjung ziarah daripada jemaah masjid sebelum ke acara sesi penyembelihan haiwan korban sunat baginda di pekarangan luar Jame' 'Asr Hassani Bolkiah, Kampung Kiarong.

BANYAKKAN ISTIGHFAR UNTUK KEBAHAGIAAN DUNIA AKHIRAT

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



>> Muka 1

Perkara tersebut ditegaskan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan selaku tetamu kehormat semasa Pelancaran tiga buah buku terbitan terbaru Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) berjudul 'Keutamaan Taubat', 'Penghayatan Nilai-nilai Islam Dalam Pasukan Polis Diraja Brunei', dan 'Adab-adab Dalam Islam' bertempat di Ruang Legar, Darulifta Brunei Darussalam, JMK.

"Jangan abaikan rahsia taubat, sebaliknya rebutlah ia untuk kebahagiaan kita di dunia dan di akhirat.

"Cara bertaubat mudah sahaja, dengan Allah Subhanahu Wata'ala tidak perlu berprotokol, memadai dengan niat ikhlak untuk bertaubat," ujar Yang Berhormat lagi.

Mengulas mengenai buku

'Penghayatan Nilai-nilai Islam Dalam Pasukan Polis Diraja Brunei', Yang Berhormat menjelaskan bahawa kerjaya polis adalah kerjaya mulia, tugas polis berat dan sukar.

Menurut Yang Berhormat, di bahu polis tanggungjawab menjaga keamanan dan keamanan yang dijaga adalah segala-galanya yang jika rosak keamanan, rosak masyarakat dan negara.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pentadbiran, JMK, Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Daud.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan ucapan dan pelancaran oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan penyampaian wakaf buku kepada enam buah perpustakaan, iaitu Perpustakaan Islam Brunei, Dewan Bahasa dan Pustaka,

YANG Berhormat Mufti Kerajaan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Buku Baharu terbitan Jabatan Mufti Kerajaan (JMK), Jabatan Perdana Menteri (JPM) (atas dan atas kiri).

Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD), Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Perpustakaan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Perpustakaan Universiti Teknologi Brunei (UTB).

Sejurus selepas itu, bagi memberkati majlis bacaan Doa Selamat dibacakan oleh Pegawai Istintab Kanan di JMK, Awang Haji Muhammad Ahmad Roza bin Haji Daud.

Antara sinopsis buku 'Keutamaan Taubat' ialah buku tersebut akan memberi kefahaman kepada kita tentang kepentingan taubat itu, serta cara-cara bertaubat dan sekali gus dapat menyuntik kesedaran masyarakat untuk meraih keampunan dan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala dengan sentiasa beristighfar dan bertaubat daripada sebarang kekhilafan dan kesalahan.

Penghasilan buku tersebut adalah daripada cetusan minda Ahli Jawatankuasa Pandu Majlis Ilmu Tahun 2023 bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-77 Tahun.

Buku tersebut telah diungkayahkan oleh JMK sebagai

salah satu sumbangan JMK dalam Majlis Ilmu Tahun 2023 yang bertemakan 'Munajat Senegara Dengan Taubat'.

Sementara itu, sinopsis bagi buku 'Penghayatan Nilai-nilai Islam Dalam Pasukan Polis Diraja Brunei' pula menyentuh mengenai tugas seorang polis adalah sangat berat dan berisiko.

Di samping alat-alat biasa, seperti kendaraan-kendaraan khusus, perisai-perisai, alat gari, belantang dan senjata api untuk keperluan tugas kepolisian, pasukan polis Islam juga memerlukan satu lagi alat yang asasi iaitu 'Kubu Perlindungan Ketuhanan dan Kenabian' sebagai alat keselamatan dan perlindungan ketika menjalankan tugas.

'Kubu Perlindungan Ketuhanan dan Kenabian' adalah satu khazanah yang hanya untuk orang Islam, tidak bagi orang lain.

Ia juga satu keberuntungan, namun, keberuntungan itu masih sahaja tertakluk kepada sama ada kita tahu atau mengenalinya sekali gus mahu menggunakanannya.

Manakala sinopsis buku 'Adab-adab Dalam Islam' menyentuh mengenai akhlak atau perangai yang baik adalah kunci segala kebaikan.

Ia penting dalam membina kehidupan beragama, bermasyarakat dan bernegara. Oleh sebab itu, akhlak yang terpuji sepautnya ada dalam diri setiap individu di setiap masa dan keadaan.

Di dalam buku tersebut

dihadangkan kepada pembaca aspek-aspek yang berkaitan dengan akhlak atau adab-adab dalam Islam yang dapat dijadikan panduan untuk memperbaiki diri agar berakhlek mulia dan terpuji.

Pelbagai persoalan atau permasalahan turut dipaparkan seperti cara dan hukum-hakam memberi dan menjawab salam, etika-etika bersalaman, menziarahi rumah, tetamu dalam majlis jamuan dan menziarahi orang sakit, bagaimana menghormati guru, hukum bertepuk tangan dan lain-lain lagi.

Harga bagi buku 'Keutamaan Taubat' ialah BND4, 'Penghayatan Nilai-nilai Islam Dalam Pasukan Polis Diraja Brunei' ialah BND3, sementara 'Adab-adab Dalam Islam' ialah BND9.

Majlis turut dihadiri oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Yang Mulia Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin; Timbalan Menteri Di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Penolong-penolong Mufti, Pemangku Pengarah Pentadbiran dan pegawai-pegawai serta kakitangan JMK.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Polis dan Timbalannya, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap serta ketua-ketua jabatan dari JPM, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan.



TIGA buah buku terbitan baharu yang dilancarkan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Ibadah Korban Bagi Tahun 1445H/2024M (kiri). Manakala gambar kanan, turut hadir, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Abdul Hamid.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Allah Peliharakan Sultan yang dipimpin oleh Awang Haji Muhd. Syariff Waliyuddin bin Jemain.

Sebanyak 30 orang golongan asnaf fakir miskin dari Kampung Sungai Belukut, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Matan menerima agihan daging korban dalam majlis keagamaan tersebut.

Ibadah korban pada kali ini disertai oleh 21 penduduk sekitar yang mengorbankan sebanyak tiga



ekor kerbau untuk majlis tersebut.

Majlis bertujuan bagi meraih ganjaran pahala serta keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan ibadah korban.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi mengerakkan hubungan silaturahim dan kekeluargaan serta kejiraninan dalam kalangan jemaah masjid dan penduduk-penduduk kampung.

BANDAR SERI BEGAWAN,
Selasa, 18 Jun. - Bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini, Jawatankuasa Takmir Masjid Serdang telah mengadakan Majlis Ibadah Korban Bagi Tahun 1445H/2024M, bertempat di masjid berkenaan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Lawi bin Haji Lamat yang juga menyempurnakan pengagihan daging korban.

Turut hadir, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Awang Hamidon bin

CERAMAH SERIKAN SAMBUTAN HARI RAYA AIDILADHA

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERIBEGAWAN, Selasa, 18 Jun. - Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha yang bertemakan 'Aidiladha Pemangkin Silaturahim Sesama Insan' diadakan di Bangunan Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha (kanan). Manakala gambar bawah kiri, ceramah bertajuk 'Aidiladha Pemangkin Silaturahim Sesama Insan' disampaikan oleh Awang Isham bin Awang Ismail. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan bacaan doa yang dipimpin oleh Ketua Guru Agama Institusi Penjara

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha (kanan). Manakala gambar bawah kiri, ceramah bertajuk 'Aidiladha Pemangkin Silaturahim Sesama Insan' disampaikan oleh Awang Isham bin Awang Ismail. Sementara gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



Maraburong Fasa 1, Awang Mohammad Azmi bin Haji Ahmad, diikuti dengan laungan takbir Hari Raya beramai-ramai.

Acara diteruskan dengan ceramah bertajuk 'Aidiladha Pemangkin Silaturahim Sesama Insan' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Awang Isham bin Awang Ismail.

Tetamu kehormat kemudiannya menyampaikan cenderahati kepada penceramah.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Pemangku Pengarah Jabatan Penjara Brunei, Awang Bahrin bin Mohd Yassin, pegawai-

pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara; dan Ketua Bahagian Perhubungan Kerajaan dan Projek Khas, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) serta beberapa wakil dari BIBD.

Majlis merupakan julung kali yang diadakan yang membabitkan rakan strategik Jabatan Penjara seperti BIBD dengan tujuan untuk merapatkan lagi hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Jabatan Penjara dan juga khasnya bagi rakan-rakan seliaan.



MINDA PEMBACA

Jadilah ibu bapa bertanggungjawab

MENJADI ibu bapa bukan hanya bertanggungjawab dalam menjaga kebijakan anak, tetapi menjadi guru pertama kepada si cahaya mata sebelum mereka menjelaskan kaki ke dunia persekolahan. Ramai ibu bapa yang menekankan mengenai pencapaian pendidikan sahaja sehingga lupa akan perasaan dan kemahuan anak itu sendiri atau kesejahteraan mental mereka. Sebagai guru pertama kepada anak, seharusnya ibu bapa lebih peka dengan perkembangan mereka iaitu terhadap sosial, mental dan rohani malah paling utama adab sopan dan budi pekerti.

Selain itu perlu juga diajar mengenai tatacara bergaul dan komunikasi yang

betul. Hal ini adalah sangat penting kerana kemahiran itu digunakan setiap masa dalam kehidupan anak, terutama apabila mereka mula terdedah dengan persekitaran luar. Penyampaian yang betul dan efektif pasti akan mempengaruhi pengalaman anak dalam aspek pembelajaran, persahabatan dan aspek pekerjaan. Pengetahuan dan kesedaran dari aspek rohani juga tidak kurang penting bagi membentuk dan memimpin anak dalam membezakan hal baik atau buruk.

Perkembangan rohani sangat penting dipelihara supaya dapat membentuk peribadi anak yang bermoral dan beretika. Pengurusan emosi juga adalah satu aspek yang sangat penting. Semakin

meningkat usia maka bertambah banyak dugaan yang mampu menjelaskan pembentukan peribadi, justeru perlunya mereka mempunyai ketahanan mental dan pengurusan emosinya baik. Malah, pada era kehidupan sekarang, pengurusan emosi sangat penting. Jika tidak, maka tumpaslah di pertengahan jalan kehidupan. Ibu bapa juga perlu menjadi dan menunjukkan contoh yang baik kepada anak.

Mendidik dan mempraktikkan perkara yang diajarkan kepada anak adalah kaedah pembelajaran terbaik. Hal ini kerana ia sangat telus dan dapat dilihat anak. Mereka akan bertindak melalui panduan ibu bapa secara langsung. Malah, anak akan mencerminkan ibu

bapa mereka. Sedarilah peranan ibu bapa bukan setakat mengasuh dan mendidik sahaja, tetapi membentuk peribadi anak-anak secara seimbang.

Pembentukan peribadi anak yang seimbang pasti akan mempengaruhi perjalanan kehidupan mereka pada masa akan datang. Jadilah ibu bapa yang berjalan bersama-sama anak tanpa berasa tanggungjawab itu satu bebanan. Sebaliknya jalani ia sebagai amanah dan lakukan dengan tenang, santai dan penuh syukur.

Nama : Mohammad Azrin bin Mohammed Asli
No. K/P : 01-082XXX



Serahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- 'Hentikan Generasi Pembuli'. Tarikh Tutup : 19 Jun 2024
- 'Keselamatan Jalan Raya Tanggungjawab Bersama'. Tarikh Tutup : 26 Jun 2024
- 'Bersama Memupuk Pembangunan Mampan'. Tarikh Tutup : 3 Julai 2024

Termasuk Syarat :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 kata perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.


atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ANTARA sebab yang mengharuskan seseorang itu melakukan sembahyang fardhu secara jamak ialah safar. Maksud safar di sini ialah keluar dari rumah kediaman untuk menuju ke suatu tempat yang jaraknya dua marhalah iaitu 89.04 km.

Orang yang dalam safar diberikan rukhshah oleh Allah Ta'ala untuk melakukan sembahyang fardhu secara jamak taqdim (menghimpunkan Zuhur dan Asar pada waktu Zuhur atau menghimpunkan Maghrib dan 'Isya pada waktu Maghrib) dan secara jamak ta'khir (menghimpunkan Zuhur dan Asar pada waktu Asar atau menghimpunkan Maghrib dan Isya pada waktu Isya). Tujuan diberikan rukhshah ini adalah untuk memberi keringanan dan menghilangkan kesusahan orang yang dalam safar kerana

Sembahyang Jamak Kerana Sakit

pada kebiasaan mereka menghadapi kesusahan dan kelelahan sepanjang safar.

Memandangkan tujuan rukhshah sembahyang jamak itu untuk memberi keringanan dan menghilangkan kesusahan, maka timbul tanggapan di kalangan orang ramai bahawa orang sakit juga harus melakukan sembahyang jamak untuk meringankan kesusahannya? Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Tidak dinafikan bahawa sebahagian ulama Syafi'iyyah seperti al-Qadhi Husain, al-Qadhi Ibn Suraij, al-Qadhi ar-Ruyani, Imam al-Mawardi, Imam ad-Darimi dan Imam al-Mutawalli *Rahimahumullah* berpendapat bahawa sembahyang jamak harus dilakukan oleh orang yang sakit sama ada secara jamak taqdim ataupun jamak ta'khir.

Syaikh Zainuddin al-Malibari *Rahimahumullah* dalam kitabnya *Fath al-Mu'in* menyebutkan:

Ertinya: Harus menjamak (sembahyang) kerana sakit, (sama ada secara) taqdim ataupun ta'khir menurut pendapat *al-mukhtar* dan (dalam melaksanakannya orang yang sakit itu) memilih apa yang lebih ringan (baginya sama ada jamak taqdim atau ta'khir). Jika bertambah sakitnya seperti dia demam (kuat panasnya) pada waktu kedua misalnya, maka dia dahulukannya (sembahyang jamak taqdim) dengan syarat-syarat jamak taqdim atau (dia demam) waktu pertama, maka dia akhirkannya (sembahyang jamak ta'khir) dengan berniat jamak pada waktu pertama.

Menurutnya lagi, sebahagian ulama *muta'akhkhirin* juga ada menggariskan bahawa ukuran sakit yang memayahkan seseorang itu melakukan sembahyang fardhu pada waktunya adalah seperti kepayahan berjalan ketika hujan yang menyebabkan baju basah. Sebahagian ulama yang lain pula berpendapat bahawa

sakit tersebut hendaklah ada *masyaqqa* (kesusahan) yang nyata melebihi kepayahan tersebut (berjalan ketika hujan) sekira-kira menyamai sakit yang membolehkan seseorang itu mengerjakan sembahyang fardhu dengan cara duduk.

Adapun sakit yang ringan seperti sakit kepala yang sedikit atau demam yang ringan, maka yang demikian itu tidak dikira sakit yang mengharuskan sembahyang jamak.

Walau bagaimanapun menurut pendapat *al-masyhur* (pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafi'i) bahawa sakit itu tidak mengharuskan sembahyang jamak sebagaimana yang tersebut dalam kitab *al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab*:

Ertinya: (Pendapat) *al-masyhur* dalam mazhab dan yang diketahui dari nash-nash asy-Syafi'i dan pendapat para sahabat (Imam asy-Syafi'i) bahawa tidak harus menjamak (sembahyang) dengan sebab sakit, angin (bertiup), gelap dan tidak (kerana) takut dan tidak (juga kerana) lumpur.

Imam ar-Ramli *Rahimahumullah* dalam kitab *Nihayah al-Muhtaj* juga menyatakan:

ADAPUN sakit yang ringan seperti sakit kepala yang sedikit atau demam yang ringan, maka yang demikian itu tidak dikira sakit yang mengharuskan sembahyang jamak.

Walau bagaimanapun menurut pendapat *al-masyhur* (pendapat yang muktamad dalam mazhab Syafi'i) bahawa sakit itu tidak mengharuskan sembahyang jamak sebagaimana yang tersebut dalam kitab *al-Majmu' Syarh al-Muhadzdzab*.

Ertinya: Bahwasanya tidak ada (sembahyang) jamak dengan (sebab) selain safar dan hujan seperti sakit, angin, gelap, takut dan lumpur dan ini pendapat *al-ashah* dan *al-masyhur*.

Para sahabat Imam asy-Syafi'i *Rahimahumullah* yang mengatakan bahawa tidak harus sembahyang jamak kerana sakit berdasarkan beberapa hujah yang antara:

i. Terdapat hadits mengenai ketetapan waktu mengerjakan sembahyang lima waktu, ia tidak boleh disalahi melainkan ada nash yang *sharif* mengenainya.

ii. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah banyak kali jatuh sakit akan tetapi tidak ada diriwayatkan secara *sharif* bahawa Baginda melakukan sembahyang jamak kerana sakit.

Berdasarkan penjelasan di atas, tidak harus melakukan sembahyang jamak kerana sakit sebagaimana menurut pendapat yang muktamad.

Demikian penjelasan mengenai hukum sembahyang jamak disebabkan sakit.

Hulurkan sedekah kepada anak-anak yatim

riwayat Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Penjaga anak yatim daripada kerabat atau bukan kerabatnya, saya dan penjaga itu adalah seperti dua jari ini di dalam syurga. Malik (Periwayat hadis) mengisyaratkan dengan jari telunjuk dan jari hantu".

Selain itu, kita juga diperintahkan untuk bersikap lemah lembut dan berbuat baik kepada anak yatim. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 83, mafhumnya :

"... dan berbuat baiklah kepada kedua ibu bapa, kaum kerabat dan anak-anak yatim serta orang-orang miskin".

Sesungguhnya ganjaran yang diberikan terhadap perlakuan baik kepada anak-anak

yatim amat besar di sisi Allah Subhanahu Wata'ala. Salah satu daripada perlakuan baik terhadap anak-anak yatim itu ialah dengan menghulurkan bantuan kepada mereka lebih-lebih lagi bagi anak-anak yatim yang hidup susah dan tidak mendapat penjagaan yang sewajarnya. Bantuan yang dihulurkan sama ada berupa wang ringgit atau barang-barang keperluan bukan sahaja dapat mengurangkan beban mereka, bahkan juga dapat menimbulkan kebahagiaan dan kegembiraan di hati mereka.

Sememangnya dalam masyarakat kita masih kaya dengan sifat kasih sayang, simpati dan bertanggungjawab terhadap anak-anak yatim. Banyak pihak telah berusaha untuk mengumpulkan dana bagi memberi bantuan kepada mereka sama ada dari pihak kerajaan, swasta ataupun

persendirian seperti Dana Pengiran Muda Mahkota Haji Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim, tabung kutipan untuk anak-anak yatim di masjid-masjid, persatuan-persatuan, projek-projek amal dan sebagainya.

Mudah-mudahan setiap pertolongan yang kita hulurkan terhadap anak-anak yatim ini akan dapat meringankan beban mereka dan kita akan mendapat ganjaran yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Balad, ayat 12-15, mafhumnya :

"Dan tahukah engkau apakah jalan yang sukar itu? (laitu) memerdekaan hamba. Atau memberi makan pada hari berlaku kelaparan. (Kepada) anak yatim yang ada hubungan kerabat".

AGAMA Islam sangat mengambil berat tentang hal ehwal dan kebajikan anak-anak yatim. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua atas perkara ini lebih-lebih lagi orang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak yatim tersebut. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menghabarkan tentang kedudukan yang mulia di syurga bagi orang yang menjaga anak yatim. Hadis riwayat Imam Muslim dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu,

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

"Penjaga anak yatim daripada kerabat atau bukan kerabatnya, saya dan penjaga itu adalah seperti dua jari ini di dalam syurga.

Malik (Periwayat hadis) mengisyaratkan dengan jari telunjuk dan jari hantu".

منجو كريضاءن الله MENUJU KEREDAAN ALLAH كلوان فوسة دعوه اسلاميه

ISLAM adalah agama yang mementingkan hubungan yang baik di kalangan umatnya sehingga dengannya dapat menjadikan umat Islam sebagai umat yang kuat dan bersatu padu. Dengan mengamalkan hidup saling bantu membantu dan tolong menolong akan dapat menimbulkan perasaan hormat menghormati dan sayang menyayangi tanpa mengira keluarga, kaum kerabat, rakan, jiran mahupun orang yang tidak dikenali. Salah satu cara untuk melaksanakan konsep tolong menolong atau bantu membantu ialah dengan membelanjakan harta pada jalan Allah Subhanahu Wata'ala iaitu mengamalkan sedekah.

Selain mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala, amalan bersedekah juga dapat melatih jiwa seseorang itu untuk menjadi orang yang belas kasihan, berkasih sayang, jauh dari sifat pentingkan diri sendiri serta menimbulkan perasaan hormat menghormati di antara sesama kita lebih-lebih lagi terhadap anak-anak yatim.

Agama Islam sangat mengambil berat tentang hal ehwal dan kebajikan anak-anak yatim. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua atas perkara ini lebih-lebih lagi orang yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak yatim tersebut. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menghabarkan tentang kedudukan yang mulia di syurga bagi orang yang menjaga anak yatim. Hadis

PENGURUSAN IBADAH KORBAN BERJALAN LANCAR

Oleh : Haniza Abdul Latif, Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman, Alishahrin Haji Mumin



KERJA-kerja proses penyembelihan dan melapah serta pembungkusan khusus bagi Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat baginda pada tahun ini (atas, kanan dan bawah).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Jun. - Kerja-kerja proses penyembelihan dan melapah serta pembungkusan bagi haiwan ibadah Korban Sunat Kebawah



Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masih telah dilaksanakan oleh dua buah syarikat tempatan, hari ini.

Bagi melancarkan kerja-kerja proses penyembelihan dan melapah serta pembungkusan khusus bagi Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat baginda pada tahun ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah melantik dua

syarikat iaitu Syarikat Mohammed Nurfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak yang terletak di Lot 'G', Projek Ladang Ternakan Lampaki, Jalan Mulaut Lampaki, Kampung Mulaut sebagai pembekal haiwan korban.

Selain Syarikat Mohammed Nurfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak, Syarikat PDS Abattoir Sendirian Berhad, Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan di Kawasan Pertanian Kampung Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong juga turut dilantik sebagai pembekal haiwan korban.

Sebanyak 198 ekor haiwan korban yang melibatkan 184 ekor sapi dan 14 ekor kambing dikorbankan dan sebahagian daging ibadah korban sunat tersebut diagihkan kepada sejumlah 14,944 orang iaitu kepada

asnaf fakir dan miskin berserta tanggungan di seluruh negara.

Seterusnya, Syarikat PDS Abattoir Sendirian Berhad yang terletak di Mukim Kiudang di mana daripada 184 ekor sapi yang dikorbankan pada tahun ini, mereka telah mengorbankan 150 ekor sapi dan selebihnya dibuat oleh Syarikat Mohammed Nurfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak.

Syarikat-syarikat yang telah dilantik ini juga turut menyediakan perkhidmatan penyembelihan haiwan korban mengikut kehendak undang-undang syariat Islam yang ketat dengan kebersihan dan kualiti yang terjamin. Di samping itu juga, syarikat berkenaan membekalkan daging segar dan beku ke kedai-kedai supermarket dan restoran-restoran di negara ini.



MRSB korbankan 7 ekor kerbau

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Azmah Haji Ahad

SUNGAI AKAR, Isnin, 17 Jun. - Hari-hari Tasyrik pada bulan Zulhijah ini harus disemarakkan dengan acara-acara ibadah korban sekali gus bagi meraih keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala sambil membantu dan bersedekah kepada mereka yang memerlukan sebagai tanda taat dan syukur atas nikmat Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan mengambil keberkatan tersebut, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB), Kampung Sungai Akar telah menganjurkan Majlis Ibadah Korban yang diadakan di ruang legar masjid berkenaan, hari ini.



Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti keagamaan yang diadakan setiap tahun oleh AJKT masjid berkenaan.

Sebanyak tujuh ekor kerbau telah dikorbankan hasil daripada penyertaan 43 peserta dan penyerahan daging tersebut akan diagihkan kepada 95 orang fakir miskin dan tiga orang anak-anak yatim dari Kampung Sungai Akar dan kawasan persekitarannya.

Penyerahan daging tersebut disampaikan oleh Penaung MRSB iaitu Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Paduka Haji Abidin dan Ketua Kampung Sungai Akar, Awang Haji

Zailani bin Haji Malik.

Terdahulu majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah diikuti dengan takbir raya beramai-ramai yang dipimpin oleh Imam Masjid. Kerja-kerja penyembelihan telah dijalankan seawal jam 11.00 pagi dengan melantik sebuah syarikat yang terletak di Kampung Masin.

Adapun aktiviti keagamaan tahun ini adalah bagi sama-sama memperingati peristiwa bersejarah dalam Islam tentang penyembelihan yang berkaitan dengan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan putera baginda Nabi Ismail sekali gus mengeratkan ukhuwah dan perpaduan khususnya bagi penduduk Kampung Sungai Akar dan sekitarnya.



TURUT mengagihkan daging korban ialah Ketua Kampung Sungai Akar, Awang Haji Zailani bin Haji Malik (kiri). Manakala gambar kanan, sekitar Majlis Ibadah Korban di masjid berkenaan.

46 pegawai JKED terima kenaikan epaulette

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Kastam dan Eksais Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Jun. - Seramai 46 Pegawai Kastam dan Pemeriksa di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED) baru-baru ini telah menerima kenaikan epaulette semasa Majlis Roll Call JKED bagi bulan Jun 2024.

Kenaikan epaulette berkenaan telah berlangsung di Dewan Kyoto, Ibu Pejabat JKED dan disempurnakan oleh Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim.

Pegawai-pegawai yang menerima kenaikan epaulette

tersebut adalah sebagai tanda kekanan dalam perkhemidaman dan juga dalam nilai pengetahuan perkastaman.

Majlis Roll Call JKED tersebut adalah bertujuan sebagai wadah dalam memupuk silaturahim dan meningkatkan komunikasi antara pihak Pengurusan JKED dengan pegawai dan kakitangan yang berkhemidam di JKED.

Selain itu, ia juga bertujuan menyampaikan maklumat dan pembaharuan jabatan serta merupakan salah satu cara JKED menzahirkan penghargaan kepada pegawai dan kakitangan JKED

PEMANGKU Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Awang Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim menyempurnakan penyampaian kenaikan epaulette kepada salah seorang penerima.

yang secara berterusan komited dalam memberikan perkhemidaman yang terbaik kepada JKED dan juga orang awam.



PARA PENERIMA ZAHIRKAN RASA KESYUKURAN

DAYANG Rasidah binti Haji Puteh dari Kampung Kiarong.



14,944 orang asnaf fakir dan miskin, warga emas dan ibu-ibu tunggal berserta tanggungan di seluruh negara.

Ini juga termasuk para penerima agihan daging-daging korban yang terdiri dari penerima-penerima dari Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) pada majlis pengagihan daging-daging korban yang berlangsung di Istana Nurul Iman, di sini, pagi tadi.

Pada majlis tersebut, para penerima rata-rata melahirkan rasa syukur dan merafakkan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat baginda diagihkan kepada sejumlah

melahirkan rasa syukur atas pengurniaan pengagihan daging korban tersebut dan mendoakan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja dikurniakan kesihatan yang berpanjangan, umur yang berkat serta diberikan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sembah junjung kasih ini juga turut dizahirkan oleh beberapa orang ibu-ibu tunggal yang baru pertama kali terpilih untuk menerima agihan daging-daging korban tersebut di mana salah seorang penerima dari JAPEM, Dayang Norsa'adah binti Haji Mohammad merupakan ibu tunggal kepada seorang anak dari Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati (STKRJ) Kampung Rimba, Gadong.

Dayang Norsa'adah melahirkan rasa syukur atas pengurniaan agihan tersebut dan mendoakan ganjaran pahala yang berlipat ganda kepada Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja.

"Alhamdulillah saya berasa bersyukur pada tahun ini terpilih buat pertama kali bagi pihak anak saya untuk menerima kurnia daging korban, dan dengan tulus ikhlas ingin merafakkan sembah ucapan terima kasih kepada Kebawah DYMM dan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Hajah Naqayyatul Akma Pg. Haji Ali



DAYANG Norsa'adah binti Haji Mohammad salah seorang penerima dari JAPEM.

merupakan penerima bantuan di bawah MUIB, dan ibu tunggal kepada 11 orang anak itu turut menzahirkan rasa syukur dan merafakkan ucapan junjung kasih atas pengurniaan agihan daging korban tersebut dan turut mendoakan Kebawah DYMM dan Kebawah DYMM Paduka Seri

Baginda Raja Isteri serta kerabat diraja sentiasa di dalam lindungan dan peliharaan Allah Subhanahu Wata'ala serta diberikan kesihatan afiat, umur yang berkat dan kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Justeru, dengan melaksanakan ibadah korban kita akan memperoleh banyak kelebihan dan manfaat antaranya ialah kebajikan (hasanah) yang dikurniakan kepada orang yang berkorbhan adalah sebanyak bulu binatang yang dikorbankan, darah korban yang tumpah ke bumi akan mengambil tempat yang mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala yang akan memperoleh kenderaan atau tunggangan ketika meniti al-Sirat al-Mustaqim di akhirat kelak bahkan rezeki kita menjadi berkah serta menjauhkan diri daripada sikap tamak dan saling menjaga tali silaturahim.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Jun. - Pada tahun ini, sebanyak 184 ekor sapi dan 14 ekor kambing dikorbankan, di mana sebahagian daging Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat baginda diagihkan kepada sejumlah



DAYANG Jainab binti Haji Sijim salah seorang ibu tunggal warga emas.

Ketika ditemui oleh wakil dari Pelita Brunei, salah seorang perenama SPA daripada kalangan ibu tunggal Dayang Rasidah binti Haji Puteh, 55, dari Kampung Kiarong



DAYANG Saidtinaa Siti Maryam binti Awang Mahmud.

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU

سورو هنجای قر خدمت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

PENTING

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja




DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education and lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tanga gaji / tempoh perkhemidaman yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhemidaman awam.



Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya permohonan tidak akan diproses.



BDCB KONGSI PELBAGAI PILIHAN PEMBAYARAN DIGITAL

Siaran Akhbar : Brunei Darussalam Central Bank

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Jun. - Berikutan perkembangan teknologi, pengurusan kewangan secara digital telah menjadi lebih penting dan relevan.

Sebagai sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan tahap celik kewangan digital, Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) sukcita mengongsikan artikel bersiri yang mengetahahkan perkhidmatan kewangan digital di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dalam artikel ini, BDCB akan mengongsikan pelbagai pilihan pembayaran digital yang terdapat di NBD, yang menjadikan urusan lebih mudah, lebih selamat dan lebih cepat bagi semua pengguna.

Terminal Layan Diri - Terminal layan diri atau *self-service terminals* seperti Mesin Juruwang Automatik (ATM) dan Mesin Deposit Tunai (CDM) boleh menawarkan alternatif tanpa sentuh (*contactless*) untuk transaksi perbankan penting. Awda boleh menggunakan laman sesawang dan aplikasi mudah alih bank awda untuk mencari ATM dan CDM berdekatan, agar awda boleh melakukan urusan perbankan awda pada bila-bila masa.

Perbankan Dalam Talian - Perbankan dalam talian membolehkan awda mengelakkan beratur panjang dan memberikan kemudahan dengan beberapa klik sahaja. Awda boleh membayar bil, memindahkan wang dan mengurus akaun awda dari mana sahaja dengan menggunakan komputer atau telefon pintar awda.

Pembayaran Tanpa Sentuh - Contoh pembayaran tanpa sentuh termasuk mengimbas Kod QR menggunakan telefon pintar awda, atau menggunakan kad debit dan kredit yang dilengkapi dengan teknologi Near Field Communication (NFC). Kaedah pembayaran yang tidak melibatkan sentuhan atau pemberian wang tunai ini menjadi cara popular untuk membuat pembayaran dengan selamat dan cepat.

Gerbang Bayaran - Membeli-belah dalam talian telah menjadi mudah dan selamat dengan adanya Gerbang Bayaran serta perkembangan dan peningkatan platform e-Dagang. Awda boleh membeli belah dari mana sahaja dengan selesa dan mudah. Walau bagaimanapun, pastikan awda sentiasa menyemak sama ada laman sesawang atau platform e-Dagang adalah sahih sebelum membuat sebarang pembelian untuk memastikan wang awda selamat.

Dalam usaha kita bagi melangkah ke era digital perkhidmatan kewangan, adalah penting bagi orang ramai untuk sentiasa maklum serta mengambil kesempatan terhadap kemudahan-kemudahan yang ditawarkan oleh pembayaran digital.

Sama ada menggunakan terminal layan diri atau mencuba produk / perkhidmatan FinTech baru, menggunakan teknologi boleh membantu awda mengurus wang awda dengan lebih baik dan berasa lebih terkawal.

Dengan mempelajari cara menggunakan alat kewangan digital secara bertanggungjawab, kita boleh menyumbang ke perubahan digital yang boleh memacu perkembangan ekonomi di NBD. Untuk sebarang pertanyaan, orang ramai boleh menghubungi +673 8318388 atau e-mel di info@bdcb.gov.bn.



Kenali Bahasa Brunei

Mangurak bermaksud menghamparkan kain, tikar, atau permaidani.

Contoh pemakaian kata : kaka **mangurak** kain di kadai atau kan maliat usul bunganya, baru tah ia mambali.

Usin bermaksud duit atau wang.

Contoh pemakaian kata : kanak-kanak karang anि dibatai **usin** ganya ka sikulah.

Bauyung bermaksud

1 dikejar.

Contoh pemakaian kata : payah-payah **bauyung** manyuruh anaknya atu mandi.

2 saling mengejar atau bermain berkejar-kejaran.

Contoh pemakaian kata : kanak-kanak atau **bauyung** ka sana ka mari bamain carah.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Bubur Beras Pulut Hitam Kampung Manggis Satu

BAHAN-BAHAN :

- 500 gram beras pulut hitam (direndam semalaman)
- 2 cawan santan pekat
- 1 tin susu manis (sedang besar)
- 2 helai daun pandan
- Gula (secukupnya)
- Garam (secukupnya)

½ cawan sagu (dimasak lebih awal, setelah masak rendam dengan air lalu toskan)

CARA MEMASAK :

Masak beras pulut hitam dengan air yang banyak (sentiasa dikacau supaya tidak melekat

dan hangus). Setelah pulut masak masukkan santan, gula, susu manis, garam berserta daun pandan. Masukkan sagu yang sudah dimasak tadi lalu dikacau. Tutup api sesudahnya mendidih. Siap untuk dihidang.



JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
Supply And Delivery Of Philips Sopho IS3000 PABX Central Control Slice (CCS) Card For Department Of Civil Aviation ATELS / 2024 / SH-12

Bilangan dan Tajuk Tawaran:
Supply And Installation Of 24 Core Single Mode Undergroud Fiber Optic Cable From DCCA New MDF Room To Meteorological Site For Brunei International Airport ATELS / 2024 / SH-04 (R)

Tarikh iklan / mengambil dokumen Sebut Harga :
19 Jun 2024,
Rabu

Tarikh terakhir mengambil dokumen Sebut Harga :
2 Julai 2024,
Selasa

Tarikh tutup Sebut Harga :
Rabu,
3 Julai 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan
Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukaan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV,V & IV

Kategori :
B01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
2 Julai 2024

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI

Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 25 / UB / 03.

Tajuk Sebut Harga:
Six (6) Months (Julai 2024-December 2024) Term Contract To Supply, Delivery And Installation Tyres For Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan Vehicles

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 30 / UB / 04.

Tajuk Sebut Harga:
Six (6) Months (Julai 2024-December 2024) Term Contract To Supply, Delivery Battery For Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan Vehicles

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 20 Jun 2024
Jam 02.00 Petang

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Unit Bengkel,
Seksyen Pemulihan Aset,
Bahagian Pengurusan Pemuliharaan Estet,
Depot Jabatan Bandaran,
Kampung Belimbing Subok,
Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan



JABATAN AUDIT
JABATAN PERDANA MENTERI

Bilangan Tawaran :
AUD / PKD&PTM / Q&T / 2024-2026 / 01

Tawaran Bagi "18 Months Term Contract For Cleaning Services At Bangunan Bahirah, Jalan Dewan Majlis, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam

Tarikh tutup Sebut Harga :
Selasa,
16 Julai 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukaan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas:
(II & III Sahaja)

Kategori:
[KA01, M03 Sahaja]

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada :

Selasa,
2 Julai 2024

Tarikh Tutup:
Selasa,
16 Julai 2024
Tidak lewat dari jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 017 / 2024

Nama Projek:
Membina Masjid Baharu Kampung Ukong, Daerah Tutong, Brunei Darussalam - Retender

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
16 Julai 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran :

BND100.00

(Tidak dikembalikan)



KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Iklan Tawaran Perkhidmatan / Pembekalan

Tajuk Iklan:

Perkhidmatan Pembekalan Bagi Rancangan Pemakanan [Barang-Barang Mentah] Kompleks Rumah Kebajikan, Kg. Belimbang Subok Bagi Tempoh 5 Bulan

Rujukan Iklan:
JAPEM / TEND / KRK / BASAH / 2024

Tajuk Iklan:

Perkhidmatan Pembekalan Bagi Rancangan Pemakanan [Barang-Barang Kering], Kompleks Rumah Kebajikan, Kg. Belimbang Subok Bagi Tempoh 5 Bulan

Rujukan Iklan:
JAPEM / TEND / KRK / KERING / 2024

Tarikh tutup Tawaran :

Khamis 20 Jun 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran :
JDT / IMK / 01 / 2024-2025

Tajuk Tawaran :
Sebut Harga Bagi Jamuan Mesyuarat, Acara / Aktiviti Yang Dikendalikan Oleh Jabatan Daerah Tutong Dan Majlis Perundungan Mukim Dan Kampung Daerah Tutong

Bilangan Tawaran :
JDT / KPD / 04 / 2024-2025

Tajuk Tawaran :
General Maintenance To Tutong District Office (Janitorial Works) For A Period Of 9 Months.

Bayaran Yuran Tawaran :
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh tutup Tawaran :
Rabu 10 Julai 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN

Nama Dokumen Sebut Harga :

Mencetak Barang-Barang Keperluan Stor (Folder DBP)
Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

Bilangan Sebut Harga:
08 / DBP / SH / 2024-2025

Harga Borang Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup Sebut Harga :
Sabtu 29 Jun 2024

dan dialamatkan kepada:
Pengerusi,
Jawatankuasa Sebut Harga Tingkat 4, Bahagian Pentadbiran dan Operasi
Dewan Bahasa dan Pustaka Lapangan Terbang Lama, Berakas BB3510 Negara Brunei Darussalam



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN

Dibukaan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV,V & IV

Kategori :
B01 Kod Baharu

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Selasa,
2 Julai 2024

Yuran Tawaran:
BND500.00
(Tidak dikembalikan)





Invitation For Research And Review On Brunei Darussalam Youth Development Index (YDI) Ministry Of Culture, Youth And Sports Brunei Darussalam

- Objektif projek ini adalah untuk menjalankan penyelidikan mengenai Indeks Pembangunan Belia (YDI) 2024 dan menghasilkan laporan kajian semula penilaian National Youth Policy and Strategies (NYPS) 2020-2035 serta Pelan Tindakan 2020-2024, dan impaknya, termasuk cadangan ringkasan untuk Pelan Tindakan NYPS 2025-2029.
- Projek ini terbuka kepada semua syarikat penyelidikan dan perunding, tetapi sebaiknya, pemohon hendaklah bekerjasama dengan kepakaran tempatan dan mempunyai pejabat di Negara Brunei Darussalam.
- Pihak yang berminat untuk mendapatkan dokumen tawaran hendaklah menghantar e-mel ke bpbs@kkbs.gov.bn dengan tajuk, "Invitation For Research And Review On Brunei Darussalam Youth Development Index (YDI)" berserta maklumat berikut:

- Butiran Syarikat dan Maklumat Perhubungan (Brosur Syarikat dilampirkan jika ada)
- Bilangan tahun pengalaman syarikat.
- Penerangan Terperinci mengenai projek serupa yang dilakukan oleh syarikat. Termasuk kos projek dan penglibatan khusus syarikat dalam projek.
- Pengalaman kakitangan profesional syarikat termasuk CV.

- Dokumen penyerahan pemohon mesti mengikut format Penyerahan Tawaran yang disediakan dengan semua maklumat lengkap.

- Pemohon memberikan dokumen tawaran dalam dua (2) salinan fizikal dan satu (1) salinan elektronik (dalam USB Drive / DVD-ROM / melalui e-mel) yang jelas di tanda "Invitation For Research And Review On Brunei Darussalam Youth Development Index (YDI)" hendaklah diserahkan sebelum jam 4.00 Petang waktu tempatan pada Sabtu, 6 Julai 2024 kepada alamat berikut:

Lembaga Tawaran Kecil Tingkat 1, Pintu Utama (Pintu Utama / Kaunter Sekuriti) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan BS8110 Brunei Darussalam

E-mel:
bpbs@kkbs.gov.bn

Kepada:
Pengarah Bahagian Pembangunan Belia dan Sukan

- Semua maklum balas yang

diterima akan menjadi hak milik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos yang ditanggung dalam memberi maklum balas kepada tawaran ini.
- Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan boleh meminta demonstrasi atau bukti konsep untuk setiap item yang dinyatakan dalam keperluan untuk kajian lanjut.
- Soalan mengenai keperluan penyerahan atau sebarang soalan teknikal mengenai tawaran ini hendaklah dialamatkan kepada alamat e-mel di atas.
- Tawaran ini bukan merupakan komitmen untuk menawarkan Kontrak atau Kontrak Perspektif.



Kenyataan Bagi Mendapatkan Tawaran Sebut Harga

Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 35 /
ADMIN / 02.

Tajuk Sebut Harga:
Quotation To Supply And Delivery For Two (2) Years Contract Of Paper A4 80gsm, Letterhead 100gsm, Envelope And Fancy Card For Bandar Seri Begawan Municipal Department, Ministry Of Home Affairs

Hari, Tarikh Dan Jam Tutup:
Khamis, 27 Jun 2024,
Jam 2.00 Petang.

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:
Bahagian Pentadbiran, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Tingkat 4, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan, Jalan Perdana Menteri



**MOE / LTK / 21 / 2024 / 2025
(JPPE-JUN-2024)**

Renovation Works To Block 'A' Flat Class E [PWD 155], Temburong, Negara Brunei Darussalam.

**MOE / LTK / 22 / 2024 / 2025
(JPPE-JUN-2024)**

Upgrading And Renovation Works To Class B Flat B2 (6 Units) At Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Bilah, Negara Brunei Darussalam.

Kelas :
III / IV / V

Kategori :
B01, E01 Sahaja

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Bagi MOE / LTK / 21 /
2024 / 2025 - MOE / LTK / 22 /
2024 / 2025:**

BND100.00

[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**

Sabtu, 29 Jun 2024
Jam 10.00 Paggi

Tarikh Tutup Dan Waktu :

2 Julai 2024
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**MOE / LTK / 23 / 2024 / 2025
(JPPE-JUN-2024)**

Three Years Term Contract Comprehensive Maintenance For Housing Estates Under Temburong District, Ministry Of Education, Negara Brunei Darussalam.

Kelas :
I / II / III

Kategori :
B01, E01 Sahaja



Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 128 / 2024 / UPP(TC)

Keterangan:

The Provision Of Shuttle Bus Services For Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital, Ministry Of Health For A Period Of Two (2) Years

**Kelayakan Pembekal /
Pemborong :**

Menjalankan Perkhidmatan Sewaan atau Penyewaan Kenderaan Seperti Kereta Sedan, Kenderaan 4WD, Van, Trak, dan Bas yang Memegang Permit Komersial Seperti Permit Kereta Sewa Pandu Sendiri (KSPS), Permit S, dan Permit Bas Sewa Khas yang dikeluarkan oleh Penguasa Pelepasan Pengangkutan Motor, Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 129 / 2024 / UPP

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Bagi MOE / LTK / 23 /
2024 / 2025:**

BND30.00

[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**

Sabtu, 29 Jun 2024
Jam 10.00 Paggi

Tarikh Tutup Dan Waktu :

2 Julai 2024
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**MOE / LTK / 24 / 2024 / 2025
(JPPE-JUN-2024)**

Three Years Term Contract Comprehensive Maintenance For Housing Estates Under Belait District, Ministry Of Education, Negara Brunei Darussalam.

Kelas :
III / IV

Kategori :
B01 & E01 Sahaja

**Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Bagi MOE / LTK / 24 /
2024 / 2025:**

BND50.00

[Bayaran Yuran / Dokumen
Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**

Rabu, 3 Julai 2024
Jam 3.00 Petang

Tarikh Tutup Dan Waktu :

9 Julai 2024
[Tidak Lewat Jam 2.00 Petang]

**MOE / LTK / 25 / 2024 / 2025
(JPPE-JUN-2024)**

Three Years Term Contract Comprehensive Maintenance For Housing Estates Under Temburong District, Ministry Of Education, Negara Brunei Darussalam.

Kelas :
I / II / III

Kategori :
B01, E01 Sahaja



Keterangan:

To Supply And Deliver Medical Consumables (Air Spiral Tube & Chamber Kit With Neb Adapter) For Medical Intensive Unit (MICU) And Surgical Intensive Unit (SICU) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
VAK / 01 / 2024 / PHARM(TC)

Keterangan:

The Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND1,000.00

Tarikh Tutup:
2 Julai 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Notis Sebut Harga

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 45 / 24 - 25
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Pos Produksi (Penyuntingan)
Bagi Rancangan Kanak- Kanak,
Bahagian Rancangan TV,
Radio Televisyen Brunei

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 46 / 24 - 25
Perkhidmatan Penggambaran
Dan Pos Produksi (Penyuntingan)
Bagi Rancangan Kanak- Kanak,
Bahagian Rancangan TV,
Radio Televisyen Brunei

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 57 / 24-25
Penggambaran Dan Penyuntingan
Program Ramadan Realiti TV,
Bahagian Rancangan TV, RTB

Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:

RTB / K / 58 / 24-25
Penggambaran Dan Penyuntingan
Program Realiti TV, Bahagian
Rancangan TV, RTB

Bayaran Yuran:

BND5.00 (Tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

Salinan Kertas:
BND5.00 (jika perlu dan tidak
dikembalikan)(Hardcopy)

Tarikh Tutup:
Rabu, 26 Jun 2024, jam 2.00 Petang



Iklan Tarikh Lanjutan

Dibukakan kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dalam

Kelas:
Terbuka

Kategori:
KPB11A & B01

**Tarikh akhir mengambil
Dokumen Tawaran:**
Khamis, 13 Jun 2024

Tarikh Tutup :
Selasa, 25 Jun 2024
Jam 2.00 Petang

Bil. Tawaran :
KHEDN / LTK / 2024-05

Tajuk Projek :
Kerja-kerja Pembaikan Bangunan
Jabatan Buruh

Bilangan Projek :
KHEDN / BPE / 2106 / 01

Yuran Tawaran :
BND30.00(Tidak dikembalikan)

Khutbah Khas Hari Raya Aidiladha di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi

Khutbah Pertama

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

ALHAMDULILLAH, pada pagi yang mulia ini, kita berpeluang berkumpul di rumah Allah bagi menyempurnakan Sembahyang Sunat Aidiladha secara berjemaah. Sama-sama kita mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita sentiasa bertaubat dengan sebenar-benar taubat. Semoga kita semua menjadi insan yang beriman dan bertakwa, selamat di dunia dan sejahtera di akhirat.

Pada Hari Raya yang penuh berkat ini, marilah kita memperkuuhkan hubungan persaudaraan dengan saling bermaaf-maafan. Dengan demikian semoga kita mendapat rahmat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat.

Aidiladha adalah hari yang dibesarkan dengan ibadah korban. Ibadah korban itu adalah ibadah yang berasal daripada syariat Nabi Ibrahim Alaihissalam, kemudian Allah Subhanahu Wata'ala mensyariatkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada Tahun Kedua Hijrah. Sesungguhnya agama Islam telah mensyariatkan ibadah korban itu sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Pada hari ini, umat Islam yang berkemampuan tidak mahu melepaskan peluang untuk melakukan ibadah korban iaitu menyembelih binatang korban sebagai tanda takwa dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala atas segala rezeki yang dikurniakan-Nya. Ibadah korban merupakan amalan yang dihukumkan sebagai Sunat Muakkadah iaitu sunat yang ditutup dan amalan yang disukai oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan Baginda Rasulullah juga sentiasa menggalakkan para sahabat Baginda melakukan ibadah korban kerana ibadah korban itu mempunyai banyak hikmah dan kelebihan yang memberi kebaikan kepada diri kita, agama dan masyarakat.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Ibadah korban yang dilakukan oleh umat Islam pada setiap tahun dalam bulan Zulhijah ini tidak wajar hanya dilihat sebagai suatu adat atau tradisi sesuatu kelompok masyarakat kerana ibadah korban itu sebenarnya mempunyai beberapa tujuan atau hikmah yang perlu dihayati bersama. Antaranya ialah mengingat peristiwa pengorbanan teragung Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail Alaihissalam pengorbanan yang benar-benar menguji kesabaran dan kesungguhan mereka berdua dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Kita dapat bayangkan betapa berat dan susahnya untuk melaksanakan perkara

HAYATI SEJARAH PENSYARIATAN IBADAH KORBAN

yang diperintahkan oleh Allah kepada Nabi Ibrahim Alaihissalam iaitu menyembelih anak kesayangannya Nabi Ismail Alaihissalam. Namun atas dasar mentaati perintah Allah kedua-dua mereka tetap patuh melaksanakan apa yang diperintahkan oleh Allah itu tanpa mempedulikan risiko akibat melaksanakan perintah tersebut iaitu kematian Nabi Ismail Alaihissalam. Inilah namanya pengorbanan yang hebat semata-mata untuk melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Jika bukan kerana ketakutan yang didasari oleh keimanan dan ketakwaan yang tinggi mungkin sahaja perintah yang sangat berat ini diabaikan atau sekurang-kurangnya ditangguhkan dengan mengajukan pelbagai alasan bahkan mungkin juga akan dirayu untuk dikurangkan atau digantikan dengan perintah yang lain. Tetapi apa kesudahan yang mereka dapat setelah mereka melaksanakan? Al-Quran telah merakamkan natijah atau ganjaran ketaatan mereka iaitu Allah menyelamatkan Nabi Ismail Alaihissalam dan dia ditebus dengan binatang sembelihan sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala :

Tafsirnya : "Dan Kami tebus anaknya itu dengan seekor binatang sembelihan yang besar". (Surah As-Saffat, ayat 107)

Demikian kekuasaan dan kemurahan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dalam menggembirakan orang-orang yang taat kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Bagaimana pula halnya dengan kita? Adakah kita bersegera melakukan perintah Allah tanpa bertangguh sebagaimana cara Nabi Ibrahim mentaati perintah Allah?

Umpamanya dalam mentaati perintah mengeluarkan zakat adakah kita segera mengeluarkan zakat apabila harta kita cukup nasab dan haulnya atau kita masih sahaja tidak merasakan ada kewajipan mengeluarkan Zakat Harta? Atau kita berdalih-dalih dalam mengeluarkan zakar kerana sangat sayang kepada harta sedangkan perintah Allah Subhanahu Wata'ala berfirman :

Tafsirnya : "Dan pada harta-harta mereka (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak orang miskin yang meminta dan orang miskin yang menahan diri (daripada meminta)". (Surah Adh-Dhariyat, ayat 19)

Zakat yang wajib dikeluarkan apabila harta kita cukup nasab dan haulnya. Bagi orang yang bersikap kedekut dan orang yang sangat sayang akan hartanya sememangnya merasakan perintah mengeluarkan zakat ini suatu perintah yang sangat berat untuk dilaksanakan. Padahal kadar zakat yang wajib dikeluarkan itu bukan kesemua harta, bukan juga setengah atau satu perempat tetapi hanyalah 1/40 atau 2.5% sahaja dari keseluruhan hartanya. Apalah beratnya perintah mengeluarkan zakat ini berbanding perintah menyembelih anak yang diperintahkan ke atas Nabi Ibrahim

Alaihissalam. Apa yang jelas keengganan mengeluarkan zakat itu adalah berpuncu daripada sikap tidak mengambil berat terhadap perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Begitujuga dalam perkara mentaati perintah Allah yang mewajibkan supaya kita orang Islam sentiasa menjaga kehalalan makanan kita, minuman kita dan juga pendapatan kita. Tetapi sebahagian kita masih sahaja lebih mengutamakan kesedapan rasa makanan atau minuman berbanding kehalalannya, sedangkan Allah Subhanahu Wata'ala dengan jelas memerintahkan supaya kita hanya memakan makanan yang halal sahaja sebagaimana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 168 yang tafsirnya :

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi, yang halal lagi baik dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu".

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga memberi peringatan kepada kita bahawa akibat memakan makanan atau meminum minuman yang tidak halal akan menyebabkan kita terhalang dari masuk syurga sebagaimana sabda Baginda :

Maksudnya : "Tidak masuk syurga tubuh yang diberi makan dengan haram".

Dalam hadis yang lain pula Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam juga menyatakan bahawa memakan benda yang haram itu akan menjadi penghalang dari makbulnya doa. Makanan yang dilarang itu bukan setakat memakan yang jelas haramnya bahkan termasuk juga makanan yang dikategorikan sebagai syubhah iaitu makanan yang tidak jelas halal dan haramnya.

Namun, sekalipun kita diberikan peringatan sedemikian, kita kadang-kadang bersikap lebih mengutamakan selera makan dan minum kita sehingga sanggup mengabaikan perintah menjaga kehalalan makanan ini dan tidak menghiraukan perintah-perintah tersebut dan yang lebih parah lagi ialah ada di antara kita yang berani melanggar perintah tersebut dengan sengaja menjual ayam dan daging yang tidak ada pengesahan kehalalannya kepada orang ramai semata-mata untuk mendapat keuntungan yang lebih besar.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Jika kita hayati sejarah pensyariatan ibadah korban ini tentunya ia akan menyuntik semangat dan usaha kita dalam mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala untuk menyembelih binatang korban di Hari Aidiladha atau hari-hari tasyrik sekalipun perintah tersebut dihukumkan Sunat Muakkadah kerana kita yakin perkara yang diperintahkan Allah itu semasa ada ia wajib atau sunat pasti ada hikmah dan kelebihannya. Kelebihan besar melakukan ibadah korban itu ialah amalan menyembelih binatang korban adalah amalan yang disukai



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Mat Dain @ Maidin semasa menyampaikan Khutbah Khas.

oleh Allah Subhanahu Wata'ala sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang maksudnya : "Tidak ada amalan yang dilakukan oleh anak Adam pada Hari Raya Korban yang lebih disukai Allah dari menumpahkan darah (menyembelih binatang korban). Sesungguhnya binatang korban itu akan datang pada hari kiamat bersama tanduk, bulu dan kukunya dan darah (bintang sembelihan) itu akan jatuh di suatu tempat (yang mulia) di sisi Allah sebelum ia jatuh ke bumi. Oleh itu perelokkanlah korban kamu". (Hadis Riwayat At-Tirmizi)

Dalam hadis yang lain Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pernah ditanya oleh para sahabat Baginda tentang apakah yang ada pada menyembelih binatang korban? Baginda bersabda :

Maksudnya : "Ia adalah sunnah bapa kamu Ibrahim. Maka mereka pun berkata : 'Apa yang akan kami peroleh daripadanya wahai Rasulullah?' Baginda bersabda : 'Bagi setiap helai rambut (binatang itu) satu kebajikan'. Mereka berkata : 'Bagaimana pula dengan bulu halusnya?' Baginda bersabda : 'Bagi setiap helai dari bulu halus itu (juga) satu kebajikan'. (Riwayat Ahmad dan Ibnu Majah dan Tirmizi)

Oleh yang demikian, demikian, dengan mengetahui kelebihan dan keistimewaan melakukan ibadah korban ini marilah kita sama-sama melakukannya dengan rasa keimanan dan ketakwaan semata-mata mentaati perintah Allah Subhanahu Wata'ala dan sebagai tanda kita bersyukur ke atas rezeki yang dikurniakkannya.

Tafsirnya : "Daging dan darah binatang korban itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah tetapi yang sampai kepada-Nya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan takwa dari kamu. Demikianlah Dia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesar Allah kerana mendapat nikmat petunjuk-Nya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya". (Surah Al-Hajj, ayat 37)

Khutbah Kedua

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

DALAM suasana kita menyambut Hari Raya ini kita tidak lupa mengenang saudara-mara kita jemaah haji Negara Brunei Darussalam yang berada di Tanah Suci. Mereka adalah sebahagian daripada jutaan saudara-saudara kita sedunia yang menuaikan ibadah haji tahun ini. Mereka adalah hamba-hamba Allah yang beruntung diperkenankan dan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala menjadi tetamu-Nya di Tanah Suci pada tahun ini. Kita mendoakan semoga mereka semua sentiasa dalam perlindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Dalam kita berharia raya dengan suasana aman, tenang, selamat dan selesa seperti yang kita rasakan ini, kita juga tidak lupa mengenang kepada ribuan, malah ratusan ribu saudara-saudara seagama kita yang terperangkap dalam kacau-bilau dalam huru-hara dan dalam kemasuhan perang di tanah air mereka seperti saudara kita yang berada di Palestin.

Mereka di sana dalam kegelisahan, ketakutan, berendam air mata dan bermandikan darah kerana menghadapi penindasan dan serangan musuh

Manfaatkan segala yang dinikmati ke arah kebaikan

durjana berupa pengeboman yang tidak berperikemanusiaan tanpa ada balas kasihan sehingga mengorbankan orang awam termasuk kanak-kanak dan wanita serta memusnahkan harta benda dan kehidupan masyarakat di sana. Mereka yang masih hidup pula kehilangan tempat tinggal dan bersedih kerana kehilangan orang yang tersayang, anak-anak kehilangan ibu bapa dan ibu bapa kehilangan anak-anak.

Apabila menyaksikan penderitaan yang dialami oleh mereka yang menghadapi musibah tersebut, sudah setentunya tersirat di dalam hati dan sanubari kita perasaan belas kasihan dan simpati terhadap nasib yang menimpah mereka. Sebagai umat Islam yang diikat dengan tali persaudaraan dan kasih sayang sesama Islam, kita berserta dengan negara-negara Islam yang lain dan juga negara-negara yang mencintai keamanan dan kedamaian amatlah kesal di atas kejadian ini. Maka mengambil kita situasi dan pertempuran yang berlaku di Gaza semakin meningkat dan rakyat mengalami kebuluran dan malapetaka maka bantuan kemanusiaan masih sangat diperlukan.

Oleh itu, marilah kita terus memberikan sokongan, bantuan dan sumbangan yang kita mampu melalui Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza yang telah disediakan

oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejak 18 Oktober 2023 yang lalu hingga 18 Julai 2024 sebagai platform untuk menyumbangkan derma berbentuk kewangan bagi membantu meringankan beban serta penderitaan yang mereka hadapi dan marilah kita terus memohon pertolongan tanpa jemu kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan berdoa semoga saudara Islam kita di Palestin diselamatkan daripada kekejaman musuh serta penderitaan yang mereka alami berakhir dengan segera. Seterusnya, semoga mereka akan dapat merasai hidup yang aman dan damai seperti yang kita nikmati.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Bagi kita yang bermastautin di tanah air dalam suasana aman damai ini, wajarlah mengambil iktibar, bahawa kita sekarang dan generasi kita yang akan datang hendaklah tidak bersikap terlalu selesa dan mengambil ringan akan keadaan aman damai, keadaan selamat dan sejahtera, keadaan makmur dan jaya yang ada pada masa ini.

Nikmat-nikmat yang dianugerahkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita ini, hendaklah sentiasa disyukuri. Di antara cara mensyukuri nikmat-nikmat Allah itu ialah dengan memanfaatkan segala yang dinikmati itu ke arah kebaikan tanpa ada penyelewengan, di samping sentiasa

meningkatkan usaha dan kewaspadaan. Kita perlu waspada sebarang anasir-anasir yang berniat jahat dan yang cuba melakukan kerosakan. Kita semua adalah bertanggungjawab mengekalkan keamanan dan keselamatan di negara kita ini. Kita juga bertanggungjawab memberi jaminan keselamatan dan keamanan kepada anak cucu kita, zuriat dan generasi penerus di masa hadapan.

Maka kita sangat bahawa cara untuk mengekalkan keadaan yang aman dan selamat pada masa sekarang dan untuk zuriat kita pada masa akan datang ialah dengan meneguhkan pegangan dan keyakinan kepada agama Islam. Kita berusaha dan berdoa memohon pertolongan daripada Allah Subhanahu Wata'ala agar Negara Brunei Darussalam kekal aman dan damai, sentiasa selamat dan sejahtera, dilimpahi kemakmuran dan keberkatan, kekal berdaulat dan maju jaya dengan pemerintahan beraja yang berpaksikan Islam. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Wahai orang-orang yang beriman! Jika kamu menolong (membela agama) Allah nescaya Dia akan menolong kamu (mencapai kemenangan) dan meneguhkan pendirian kamu". (Surah Muhammad, ayat 7)

Khutbah Hari Raya Aidiladha Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi

IBADAH HAJI LAMBANG PERPADUAN UMAT ISLAM

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

ALHAMDULILLAH, pada pagi yang mulia ini, kita berpeluang berkumpul di rumah Allah bagi menyempurnakan Sembahyang Sunat Aidiladha secara berjemaah. Sama-sama kita mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala serta meningkatkan keimanan dan ketakwaan dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Marilah kita sentiasa bertaubat dengan sebenar-benar taubat. Semoga kita semua menjadi insan yang beriman dan bertakwa, selamat di dunia dan sejahtera di akhirat.

Pada hari yang penuh berkat ini, marilah kita memperkuatkan hubungan persaudaraan dengan saling bermafaat. Dengan demikian semoga kita mendapat rahmat dan keampunan daripada Allah Subhanahu Wata'ala di dunia dan di akhirat.

Aidiladha sememangnya dikaitkan dengan ibadah haji dan ibadah korban. Ibadah haji adalah ibadah yang melambangkan perpaduan umat Islam di seluruh dunia sebagai umat yang mentauhidkan Allah Subhanahu Wata'ala. Sementara ibadah korban pula ialah penyataan yang lahir daripada keimanan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi memperoleh keredaan serta keampunannya.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa kedua-dua ibadah haji dan korban itu adalah ibadah yang berasal daripada syariat Nabi Ibrahim Alaihissalam. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hajj, 26 :

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Kami menentukan bagi Nabi Ibrahim tempat Kaabah

(untuk memintanya lalu Kami berfirman kepada-Nya) : "Janganlah engkau sekutukan aku dengan sesuatu pun dan bersihkanlah rumah-Ku (Kaabah ini daripada berhala) bagi orang-orang yang tawaf dan orang-orang yang berdiri, rukuk dan sujud (orang-orang yang mengerjakan sembahyang)".

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Jelaslah kepada kita bahawa ayat baharu ini mengajak mengingati peristiwa bersejarah ketika Allah Subhanahu Wata'ala menentukan tempat bagi Nabi Ibrahim Alaihissalam untuk membina Kaabah. Dalam masa yang sama Baginda juga diperintahkan untuk memastikan Kaabah itu suci daripada perbuatan syirik, iaitu tidak dijadikan tempat bagi penyembahan berhala. Kemudian ayat tersebut disusuli dengan ayat 28 yang memerintahkan Nabi Ibrahim Alaihissalam supaya menyuruh manusia untuk mengerjakan ibadah haji. Firman Allah Subhanahu Wata'ala :

Tafsirnya : "Dan serulah manusia untuk mengerjakan ibadah haji nescaya mereka akan datang kepadamu (rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus (disebabkan lamanya perjalanan) yang datang dari segenap penjuru yang jauh".

Pada hari ini, umat Islam yang berkemampuan dan berhajat untuk melakukan ibadah korban akan menyembelih binatang korban sebagai tanda takwa dan syukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Sesungguhnya agama Islam telah mensyariatkan ibadah korban itu sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Ibadah korban merupakan amalan yang disukai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan

Baginda sentiasa menggalakkan sahabat-sahabat Baginda melakukan ibadah korban. Ini kerana ibadah korban itu mempunyai banyak hikmah dan kelebihan yang memberi kebaikan kepada diri kita, agama dan masyarakat.

Oleh yang demikian, sebagai umat Islam yang mampu melakukan ibadah korban seharusnya mengambil iktibar terhadap galakkan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam kepada sahabat-sahabat Baginda untuk berbuat demikian. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Kautsar, ayat 1-2 :

Tafsirnya : "Sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepadamu (wahai Nabi Muhammad) nikmat yang banyak (antaranya Sungai Al-Kautsar di syurga). Maka dirikanlah sembahyang kerana Tuhanmu dan sembelihlah binatang korban (kerana mesyukuri nikmat-nikmat-Nya)".

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Adapun korban yang dilakukan oleh umat Islam pada setiap tahun dalam bulan Zulhijah ini, adalah merupakan satu ibadah dan bukannya suatu adat atau tradisi sesuatu masyarakat. Ibadah korban itu sebenarnya mempunyai beberapa tujuan atau hikmah yang perlu dihayati bersama. Antaranya ialah mengingati peristiwa pengorbanan teragung Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail Alaihissalam. Pengorbanan yang benar-benar menguji kesabaran sebagai hamba Allah Subhanahu Wata'ala. Atas dasar iman yang kuat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihissalam tetap patuh dan taat untuk melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Inilah pengorbanan yang hebat semata-mata untuk melaksanakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Kisah ini akan tetap terus subur dalam ingatan kita terutama bila tibanya bulan Zulhijah. Peristiwa korban mampu meningkatkan rasa ketakwaan dan tawaduk kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala seterusnya mampu menimbulkan sikap prihatin dan penyayang sesama umat Islam walaupun di mana sahaja kita berada.

Betapa besarnya pahala dan kebaikan dari amalan ibadah korban ini. Maka sebagai umat yang sememangnya suka melakukan amal kebajikan, marilah kita sama-sama menghidupkan sunah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam semata-mata kerana Allah Subhanahu Wata'ala.

Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar

Sememangnya jika dihayati kelebihan dalam melaksanakan ibadah korban itu bukan sahaja dari segi zahirnya pada saat kita menikmati keinfakkan daging-daging korban dengan pelbagai masakan, namun sebaliknya terdapat hikmah yang lebih utama yang dirasai oleh rohani dan jiwa manusia iaitu nikmat iman dan takwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Dengan kita meraikan Aidiladha ini kita memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar segala amal ibadah yang kita lakukan akan diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala dan kita tergolong dalam kalangan orang-orang yang sentiasa mensyukuri nikmat-Nya. Amin Ya Rabbal Alamin.

Tafsirnya : "Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras". (Surah Ibrahim, ayat 7)

Pengorbanan mencapai reda Allah



yang disampaikan oleh Penolong Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abd Rahman.

Antara inti pati ceramah mengetengahkan tentang meneladani keluarga Nabi Ibrahim Alaihissalam dalam membina keluarga yang taat kepada Allah Subhanahu Wata'ala, dan bagaimana pengorbanan itu juga ditutut dalam mentaati Allah Subhanahu Wata'ala.

Kesimpulannya, pengorbanan bukan hanya terhad dalam wang ringgit akan tetapi juga merupakan pengorbanan berbentuk tenaga, buah fikiran, usia untuk mencapai reda Allah, juga termasuk mengawal hawa nafsu, menjauhkan akhlak buruk dalam pengorbanan kita untuk menjadi sebaik-baik ummah.

Acara seumpamanya dianjurkan selain bertujuan untuk mengeratkan silaturahim sesama ahli mahupun warga masyarakat sekeliling, ia juga berobjektif untuk memberikan kefahaman tentang erti pengorbanan dalam kehidupan seharian.

WBC yang mempunyai keahlilan seramai 100 ahli ini mula ditubuhkan pada 20 Jun 2000, dan merupakan sebuah badan kebangsaan wanita dalam perniagaan, akademik, pemerintah dan masyarakat sivil yang bertujuan untuk mewakili kepentingan dan minat perniagaan



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada Ceramah Khas sempena Hari Raya Aidiladha bersama Majlis Perniagaan Wanita Brunei Darussalam (WBC) dan Prihatin yang diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (atas dan kiri).

wanita di negara ini dalam mengembangkan kemahiran, keusahawanan dan sokongan untuk perniagaan berkualiti dalam kalangan wanita.



PENOLONG Profesor, Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Ummi Fa'izah binti Haji Abd Rahman semasa menyampaikan Ceramah Khas bertajuk 'Contoh Teladan Keluarga Nabi Ibrahim'.

BERAKAS, Selasa, 18 Jun. - Majlis Perniagaan Wanita Brunei Darussalam (WBC) pagi tadi mengadakan Ceramah Khas sempena Hari Raya Aidiladha bersama WBC dan Prihatin yang diadakan di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, di sini.

Hadir selaku tetamu khas majlis, Yang Dipertua WBC, Datin Paduka Hajah Rokiah binti Haji Zakiah.

Terdahulu Naib Yang Dipertua WBC, Dayang Hajah Mordiah binti Haji Jackia dalam ucapannya

menggariskan dengan mengambil sukut baik di bulan Aidiladha ini, diharap semua Ahli-ahli WBC akan terus gigih dalam meneraju dan memantapkan lagi persatuan WBC yang sudah lama ditubuhkan sejak 24 tahun yang lalu serta berharap agar para ahlinya saling bekerjasama kukuh antara satu sama lain demi kejayaan persatuan berkenaan di masa-masa akan datang dan seterusnya.

Majlis juga turut diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Contoh Teladan Keluarga Nabi Ibrahim'



Khutbah Hari Raya Aidiladha 1445H/2024M

Negara Brunei Darussalam

Khutbah Pertama

Ibadat Korban

Mempunyai beberapa tujuan/hikmah yang perlu dihayati bersama. Antaranya ialah mengenai:

Peristiwa pengorbanan teragung Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail AS:

Pengorbanan yang benar-benar menguji kesabaran sebagai Hamba Allah SWT

Atas dasar iman yang kuat kepada Allah SWT, mereka tetap patuh dan taat melaksanakan perintah Allah SWT

APA YANG BOLEH KITA BUAT?

Dalam kita merayakan suasana Aidiladha ini, kita memohon kepada Allah SWT agar:



Segala amal ibadat yang kita lakukan akan diterima oleh Allah SWT



Tergolong di kalangan orang-orang yang sentiasa mensyukuri nikmatNya

Khutbah Kedua

Dalam kita berhari raya dengan suasana aman, tenang, selamat dan selesa seperti yang kita rasakan ini...

Kita juga tidak lupa mengenang kepada ribuan, malah ratusan ribu saudara-saudara seagama kita yang terperangkap dalam kacau-bilau, huru-hara dan kemusnahan perang di tanah air mereka seperti saudara kita yang berada di Palestin

APA YANG BOLEH KITA BUAT?

Marilah kita terus memberikan sokongan, bantuan dan sumbangan yang kita mampu melalui:



Tabung Kemanusiaan Rakyat Palestin di Gaza
yang disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia sejak **18 Oktober 2023 – 18 Julai 2024**



Memohon pertolongan tanpa jemu kepada Allah SWT dengan berdoa semoga saudara Islam kita di Palestin diselamatkan daripada kekejaman musuh serta penderitaan yang mereka alami berakhir dengan segera

JAULAH ILMU MAHABBAH : PLATFORM MEMPERKUKUH JALINAN UKHUWAH



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



SESI bergambar ramai pada program Jaulah Ilmu Mahabbah' (atas), sementara gambar atas kanan, ahli-ahli panel dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi semasa membahaskan mengenai 'Kepimpinan Mahasiswa Sebagai Inspirasi : Membawa Perubahan Melalui Teladan dan Tanggungjawab'.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 18 Jun. - Badan Pelajar Usuluddin (BadrU) sesi 23/24 dan Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar Universiti Islam Sultan Sharif Ali (MPP PPUNISSA) sesi 23/24 serta Persatuan Pelajar Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) telah bekerjasama untuk mengendalikan program 'Jaulah Ilmu Mahabbah' anjuran Persatuan Mahasiswa Fakulti Pengajian Islam (PERMAFIS), Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Program tersebut merupakan anjuran pertama kali ini di Negara Brunei Darussalam dan berlangsung selama tiga hari, bermula 30 Mei hingga 1 Jun 2024.

Kedatangan rombongan PERMAFIS, UMS, dimulakan dengan sesi ramah mesra bersama BadrU dan MPP UNISSA.

Mewakili pihak HEP UNISSA ialah Dekan Pelajar, Awang Haji Hayatuddin bin Haji Moksin dan seterusnya menyampaikan kata

alu-aluan atas penerimaan sambutan rombongan pihak PERMAFIS UMS.

Kemudian diteruskan dengan ucapan daripada Yang Di-Pertua MPP PPUNISSA 23/24, Awang Muhammad Firduz bin Sait; dan Pengurus BadrU 23/24, Awang Mohammad Iktiaruddini Fadhullah bin Abdullah.

Pengenalan bagi pihak PERMAFIS UMS disampaikan dengan Pengarah Program dan Yang Di-Pertua PERMAFIS, Awang Muhammad Zaini bin Mohd Hussain; dan Timbalan Dekan Akademik & Antarabangsa, UMS, Dr. Issraq bin Ramli.

Sesi ini merupakan pengenalan sesama pihak pengendalian program sesama pengaruh bagi memperkuuh jalinan ukhuwah di samping bekerjasama dalam mencapai objektif program.

Seterusnya, sesi Sembang Santai bertajuk 'Usaha Mencari Kontroversi dan Publisiti di Media Sosial Berasaskan Isu Agama'.

Mewakili pihak UNISSA ialah

Timbalan Pengurus 1 BadrU dan Unit Keugamaan dan Takmir Surau Al-Syafi'i MPP PPUNISSA 23/24, Awang Muhammad Dzulkhairi bin Haji Ibrahim.

Khas bagi pihak wanita, slot bicara hewi mengenai 'Peranan Wanita Dalam Dakwah' telah disampaikan oleh pensyarah wanita UMS di Surau Al-Syafi'i.

Acara juga turut diisikan dengan melakukan aktiviti fizikal 'Sinergi Mahasiswa' di di Eco- Corridor, Taman Mahkota Jubli Emas.

Di kemuncak program, Forum Perdana bertemakan 'Peranan Murabbi Dalam Membina Insan Lestari Yang Seimbang : Inspirasi Berdasarkan Model' yang dimoderatorkan oleh Dayang Nur Faizah binti Mohamad Khairul Azmi.

Ahli - ahli panel forum terdiri daripada pensyarah daripada ketiga-tiga institusi, iaitu Dr. Hajah Suhaileh (UMS), Dr. Haji Harapandi bin Dahri (KUPU SB) dan Prof. Madya Dr. Kamaluddin (UNISSA).

Forum seterusnya berbentuk Dialog Mahasiswa yang

membahaskan mengenai 'Kepimpinan Mahasiswa Sebagai Inspirasi : Membawa Perubahan Melalui Teladan dan Tanggungjawab' yang dimoderatorkan oleh Dayang Kamalin Mastura binti Abdul Matalib.

Ahli - ahli panel adalah dalam kalangan mahasiswa dan mahasiswi, iaitu Dayang Nur Sabrina (UMS), Awang Muhammad

Amin Rifaie (UNISSA) dan Dayang Khairulisa Zafirah (KUPU SB).

Di penutup program, cenderamata disampaikan oleh Pengarah Program dan Yang Di-Pertua PERMAFIS, kepada pihak MPP KUPU SB, MPP UNISSA dan BadrU bagi menyempurnakan majlis forum daripada kalangan pensyarah, mahasiswa dan mahasiswi daripada ketiga - tiga institusi.

Selamatkan Usus Awda.
Lakukan Pemeriksaan Kolorektal.

کمترین کسیعت
KEMENTERIAN KESIHATAN
MINISTRY OF HEALTH

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai program pemeriksaan kanser kolorektal, sila jumpa* Doktor awda hari ini atau layari www.ppkk.gov.bn

*Sasaran pemeriksaan:
Lelaki atau wanita berumur di antara 50 - 75 tahun.

PENGESANAN AWAL DAPAT MENYELAMAT NYAWA
Selamatkan Usus Awda

ALAI PINTAR
SOALAN 19 JUN 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

SOALAN 127

- Ibu selalu ____ pesan kepada saya supaya belajar bersungguh-sungguh. Sila pilih imbuhan yang betul bagi ayat tersebut.
 - me
 - ber
 - ter
- Apakah maksud simpulan bahasa bagi cahaya mata?
 - buah
 - anak
 - binatang
- Setiap hari apa akhbar Pelita Brunei diterbitkan?
 - Isnin, Selasa, Rabu
 - Isnin, Rabu, Sabtu
 - Jumaat, Sabtu, Ahad

TARIKH TUTUP: 29 JUN 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.

2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 126

Nama : Nur'Anis Sabrina binti Aftfaizul Hafidz
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0128978-01. Sekolah : Sekolah Rendah Jerudong

Nama : Muhammad Danish Hafiy bin Rozaimi
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0126217-01. Sekolah : Sekolah Rendah Rimba III, Kluster 4

Nama : Dk. Amal Sarah Humaira Pg. Linong
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0148488-01. Sekolah : Sekolah Sunshine, Beribi

SYARAT PERADUAN

- Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
- Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
- Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8945310** atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
- Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 126

- C - 530
- A - Bising
- A - Daerah Brunei Muara



Promosi permainan tradisional, warisan budaya unik dan bernilai

Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

PERMAINAN tradisional Melayu di negara kita memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Melayu. Permainan-permainan ini bukan sahaja memberikan hiburan kepada rakyat tempatan, tetapi juga mempunyai impak global yang semakin meningkat. Dalam era globalisasi ini, permainan tradisional Melayu menjadi semakin penting untuk dikekalkan dan dipromosikan sebagai warisan budaya yang unik dan bernilai.

Memperkenalkan permainan tradisional Melayu kita dapat memahami lebih mendalam tentang kekayaan permainan tradisional ini dan bagaimana ia terus relevan dalam kehidupan masyarakat moden.

Permainan Kuit

Main Kuit, digemari oleh kanak-kanak dan remaja di mana biasanya dimainkan di halaman rumah atau kawasan lapang dan boleh juga dimainkan pada bila-bila masa secara berkumpulan kecil, sekurang-kurangnya dua pemain.

Permainan Kuit dimainkan oleh kaum lelaki dan merupakan salah satu sukan rakyat yang begitu terkenal di kalangan puak Kedayan. Permainan ini biasanya diadakan semasa musim mengamping atau makan tahun. Tujuannya hanya untuk menghibur keluarga yang membuat persediaan mengadakan makan tahun atau *menutuk* atau menumbuk padi atau amping.

Cara permainan

Peralatan yang diperlukan adalah tempurung bini (belahan tempurung bahagian bawah sebiji kelapa tua) iaitu sebiji untuk setiap pemain. Dalam permainan ini, pemain yang terdahulu menamatkan semua peringkat atau *jim* adalah dikira sebagai pemenang.

Bagi menentukan giliran, pemain akan bercus, *berundi* atau *berkomping*.

Permainan ini mempunyai pelbagai istilah tersendiri yang digunakan semasa perlawanan iaitu Kohit / Kuit, Kalambuai, Pintu Kana, Pintu Catuk / Tarukul, Sangoi dan Pintu Patah.

Main Lumba Tempurung Laki

Permainan ini dimainkan secara perseorangan atau beramai di kalangan kanak-kanak lelaki. Ia boleh dimainkan di halaman rumah pada bila-bila masa sahaja. Keramaian pemain pula tidak terhad. Setiap pemain

pemain perlu dilengkapi dengan dua biji tempurung laki yang berlubang di tengahnya dan dipasang dua utas tali timbaran yang beranyam. Tali ini akan dimasukkan melalui lubang dan disangga dengan kayu agar tali tidak terlucut.

Cara permainan

Sebelum perlumbaan dimulakan, setiap pemain akan mengenakan sebiji tempurung di bawah kaki kanan dan sebiji lagi di bawah kaki kiri. Apabila dikatakan *bah*, pemain akan menarik tali tempurung yang diletakkan di celah jari kaki semasa melangkah.

Pemain yang terlebih dahulu sampai ke garis penamat adalah dikira sebagai pemenang, yang lebih menariknya juga, jika ada hadiah disediakan atau dua tiga orang pemain yang *uncit* kena belanja.

Permainan Uwod Situn dan Uwod Plajau

Uwod Situn dan Uwod Plajau adalah dua jenis uwod atau gasing tradisional yang sangat digemari oleh golongan kanak-kanak lelaki dalam kalangan puak Dusun dan puak Bisaya. Untuk membuat kedua-dua jenis uwod ini beberapa jenis kayu keras digunakan, seperti kayu limau, kayu biabas, kayu kulimpapa, kayu tarik akang, kayu piasau-piasau, kayu telinga basing, kayu bakau, kayu kuranji, dan kayu pulau-pulauan. Manakala tali kedua-dua jenis uwod ini pula diperbuat dari kulit kayu timbaran atau kayu tarap.

Cara permainan

Ianya boleh dimainkan pada peringkat usia 12-18 tahun dan jumlah pemain pula dua hingga lima orang dan boleh dimainkan di kawasan luar rumah.

Uwod Situn dan Uwod Plajau dimainkan dengan cara melilitkan hujung tali uwod dari bahagian kepala hingga sebahagian badan uwod dengan rapi. Kemudian, uwod ini dilontarkan dengan cepat sambil menarik hujung tali yang diikat di pergelangan tangan pemain.

Jika uwod dilontar dengan betul, uwod akan jatuh ke tanah dan berputar dengan deras dalam jangka masa lama mengikut kekuatan tenaga dan kemahiran kanak-kanak tersebut.


Kedua-dua jenis uwod ini boleh dimainkan dengan cara dipalu, setiap pemain akan melontar dan memalu uwod lawannya sehingga menyebabkan uwod lawannya itu

berhenti berputar dan kalah. Sebaliknya, jika uwod yang dipalu itu tidak kena dan berputar dalam jangka masa yang lama, ia adalah dikira sebagai pemenang.

Sebagai kesimpulannya, permainan tradisional Melayu adalah sebahagian daripada identiti budaya kita yang perlu dijaga dan diwarisi. Dengan memahami dan menghargai warisan budaya ini, kita dapat memastikan bahawa permainan tradisional Melayu terus hidup dan berkembang dalam

kalangan generasi muda.

Hal ini penting untuk memastikan bahawa nilai-nilai dan tradisi yang terkandung dalam permainan tradisional Melayu tidak terlupakan atau terpinggirkan oleh pengaruh budaya asing. Melalui pengajaran dan promosi permainan tradisional ini kepada generasi muda, kita dapat memastikan bahawa mereka tetap terhubung dengan akar budaya mereka dan memahami pentingnya menjaga dan melestarikan warisan budaya ini.





Kebersihan pantai tanggungjawab kita bersama

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

PANTAI adalah salah satu destinasi pilihan masyarakat untuk bersantai, berkelah atau tempat berkumpul bersama keluarga pada waktu lapang dan kelepasan awam. Justeru itu, kebersihan pantai merupakan aspek penting dalam mengekalkan keindahan dan kelestarian persekitarannya. Pantai yang bersih memberi keselesaan kepada pengunjung dan mengekalkan ekosistem laut yang sihat.

Pentingnya menjaga kebersihan pantai

Kesedaran orang ramai untuk menjaga kebersihan pantai seperti membuang sampah pada tempatnya antara cara yang berkesan. Pembuangan sampah merata-rata di pantai boleh mencemarkan dan membahayakan keindahan pantai, antaranya plastik, adalah bahan yang sukar dan mengambil masa yang lama untuk dihapuskan. Ramai pengunjung yang datang ke pantai pasti akan membawa makanan dan minuman dalam bungkus plastik yang kemudiannya ditinggalkan begitu sahaja di pantai. Ini adalah sikap yang tidak bertanggungjawab dan menyumbang kepada persekitaran yang tidak sihat. Selain itu, plastik dan sisa lain boleh ditelan oleh haiwan yang hidup di laut dan menyebabkan

kematian, kepupusan dan keracunan pada haiwan tersebut. Bukan itu sahaja, sisa plastik juga boleh dibawa arus dan mencemarkan pantai dari tempat lain.

Pantai yang bersih menarik lebih banyak pengunjung dan pelancong untuk datang. Jika pantai itu kotor dan tercemar boleh memberikan kesan negatif kepada pengunjung seperti risiko kesihatan dan juga pemandangan pantai turut tercemar. Sampah boleh membawa bakteria yang berbahaya kepada manusia. Pencemaran ini boleh menyebabkan penyakit kulit, jangkitan kuman atau penyakit lainnya. Pantai yang tidak bersih juga boleh menjelaskan sumber mata pencarian masyarakat seperti nelayan dan peniaga.

Selain itu, pantai adalah tempat rekreasi dan bersantai bagi ramai orang. Mengapa kita perlu menjaga kebersihan pantai kerana ianya mengajar kita terutamanya generasi muda, tentang kepentingan tanggungjawab alam sekitar. Penglibatan dalam aktiviti pembersihan pantai dapat mengajar masyarakat akan pentingnya kebersihan dan menggalakkan kita untuk sentiasa menjaga kebersihan pantai agar generasi seterusnya masih dapat menikmati keindahannya.

Apa yang perlu dilakukan?

Menjaga kebersihan pantai memerlukan

kerjasama dan penyertaan daripada pelbagai pihak termasuk individu, masyarakat, sektor kerajaan dan swasta. Beberapa langkah yang boleh diambil untuk memastikan pantai kita sentiasa dalam keadaan bersih dan terjaga. Contohnya seperti membawa plastik sampah sendiri ketika berkunjung di pantai atau menyediakan tong sampah di sepanjang pantai bagi memudahkan pengunjung membuang sampah di tempat yang betul. Dengan adanya plastik sampah sendiri, mudah untuk kita mengumpulkan sampah yang ditemui semasa berada di pantai.

Selain pembuangan sampah, pembuangan puntung rokok juga menimbulkan kesan negatif dalam menjaga kebersihan pantai. Puntung rokok yang dibuang di atas pasir atau terus ke pantai boleh mencemarkan dan membunuh haiwan yang hidup di laut kerana ianya mengandungi bahan kimia yang berbahaya. Kebanyakan pengunjung yang datang ke pantai adalah untuk menikmati keindahan pantai dan menghirup udara yang segar. Namun, apabila melihat ramai yang merokok dan membuang puntung rokok di merata-rata tempat boleh merosakkan suasana di pantai.

Ke arah meningkatkan lagi kesedaran masyarakat dengan mengadakan kempen kesedaran tentang kepentingan menjaga kebersihan pantai melalui media sosial,

poster dan acara komuniti adalah penting bagi sama-sama berganding bahu membersihkan dan mengumpulkan sampah-sarap yang ada di pantai dengan melibatkan generasi muda. Dengan adanya penglibatan mereka melalui program pendidikan atau aktiviti sosial dapat mewujudkan kesedaran menjaga alam sekitar sejak kecil lagi. Dengan cara itu, mereka akan menjadi individu yang memberi perubahan untuk kebersihan pantai yang mampu.

Penutup

Menjaga kebersihan pantai adalah tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama daripada semua lapisan masyarakat. Apa yang penting kesedaran sivik perlu ditanam dalam minda masyarakat agar sentiasa menghargai pantai kita. Dengan ini, kita boleh melindungi pantai daripada pencemaran dan kerosakan, mengekalkan ekosistem laut yang sihat dan memastikan pantai kekal sebagai tempat yang cantik dan selamat untuk dikunjungi semua orang. Melalui kesedaran dan tindakan yang dilakukan, kita boleh melindungi pantai dan menikmati manfaatnya untuk jangka masa lebih panjang sekali gus kekal menjadi aset yang berharga untuk negara dan generasi seterusnya. Dengan menjaga kebersihan pantai secara tidak langsung menjaga kebersihan alam sekitar.





PM THAILAND DISAHKAN POSITIF COVID-19

BANGKOK, 17 Jun. - Perdana Menteri Thailand Srettha Thavisin mengesahkan hari ini bahawa beliau positif COVID-19.

Srettha mengumumkan di akaun rasmi X miliknya bahawa beliau akan

mengambil cuti sakit disebabkan diagnosis itu.

"Saya berasa tidak sihat sejak minggu lepas dan mengalami demam ringan, jadi saya memutuskan untuk menjalani ujian demi ketenangan

fikiran. Saya memohon maaf atas sebarang kesulitan yang mungkin timbul kepada rakan sekerja dan pelanggan yang telah berhubung rapat dengan saya baru-baru ini," katanya di sini pada Ahad.

Srettha memberi jaminan bahawa beliau akan pulih dan kembali bekerja secepat mungkin.

Menurut akaun X beliau, Srettha

telah melawat Hua Hin, termasuk stesen kereta api dan lapangan terbangnya, pada hujung minggu.

- ©BERNAMA

Imigresen komited tambah baik khidmat autogate di pintu masuk utama

PUTRAJAYA, 17 Jun. - Jabatan Imigresen Malaysia komited dalam menambah baik perkhidmatan autogate di pintu masuk utama di negara ini iaitu pergerakan melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Ketua Pengarah Imigresen Datuk Ruslin Jusoh berkata dalam usaha penambahbaikan ini, pihaknya akan terus meneliti dan memperkemas proses kerja bagi meningkatkan mutu perkhidmatan.

"Jabatan ini dengan kerjasama Kementerian Dalam Negeri juga dalam perancangan untuk menambah bilangan autogate bagi menampung permintaan penggunaannya yang semakin mendapat sambutan daripada pelawat asing ketika ini," menurutnya dalam kenyataan hari ini.

Selain itu, beliau berkata pegawai Imigresen yang bertugas di pintu masuk diberi latihan secara

berterusan dalam menguruskan kemasukan pelawat asing dan sentiasa diingatkan untuk menjalankan tugas selaras dengan prosedur kerja standard yang ditetapkan.

"Jabatan ini sentiasa komited untuk memberikan perkhidmatan terbaik dan mengalu-alukan cadangan penambahbaikan sebagai usaha berterusan untuk menambah baik kelancaran pergerakan di pintu masuk utama negara.

"Ini merupakan komitmen jabatan untuk terus menyokong pembangunan ekonomi negara tanpa mengabaikan keistimewaan serta kemudahan untuk warganegara Malaysia," katanya.

Ruslin berkata kemudahan itu, yang dibuka kepada pelawat asing bermula pada 1 Jun lepas, adalah selaras dengan pengumuman kerajaan agar penggunaan autogate di pintu masuk utama

diperluas kepada 63 negara bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat terutama setelah negara pulih daripada pandemik COVID-19.

Beliau berkata pada 2023, Jabatan Imigresen merekodkan jumlah ketibaan pelawat asing melebihi 30 juta orang.

"Kadar ini terus meningkat dan sehingga Mei 2024, lebih 13 juta pelawat asing direkod memasuki Malaysia untuk pelbagai tujuan.

"Peningkatan ketibaan pelawat asing ini memerlukan proses yang efisien dan pantas tanpa berkompromi daripada aspek keselamatan negara," katanya.

Ruslin berkata inisiatif itu terbukti berkesan dan berjaya mempercepat proses pelepasan kepada 10 hingga 15 saat berbanding 30 minit masa menunggu di kaunter manual sekali gus mampu mengurangkan kesesakan di balai ketibaan KLIA.

- ©BERNAMA

Angka kematian di Gaza meningkat kepada 37,337 orang

GAZA, 17 Jun. - Angka kematian akibat serangan genosid Israel di Gaza telah meningkat kepada 37,337 orang, menurut agensi perubatan pada Ahad.

Sementara itu, bilangan mangsa yang cedera pula mencapai 85,229 orang, lapor Agensi Berita dan Maklumat Palestin (WAFA).

Dalam tempoh 24 jam lalu, tentera pendudukan Israel telah melakukan empat pembunuhan beramai-ramai di Semenanjung Gaza, mengakibatkan 41 terbunuh dan 102 lagi cedera.

Selain itu, sekurang-kurangnya 10,000 orang masih hilang dipercayai maut di bawah

runtuh bangunan.

Serangan Israel juga menyebabkan hampir dua juta orang dipindahkan secara paksa dari seluruh Semenanjung Gaza, dengan sebahagian besar daripada mereka terpaksa berkumpul di Rafah yang padat.

- ©BERNAMA

Perdana Menteri China Li Qiang lawat Malaysia sempena Sambutan Jubli Emas

KUALA LUMPUR, 17 Jun. - Perdana Menteri China Li Qiang akan mengadakan lawatan rasmi selama tiga hari ke Malaysia mulai Selasa untuk memperkuuh hubungan dua hala dan memperingati ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China.

Ini merupakan lawatan pertama Li ke Malaysia sejak memegang jawatan pada Mac 2023, satu peristiwa yang sangat signifikan yang menurut penganalisis akan meningkatkan hubungan strategik komprehensif ke tahap baharu.

"China berharap dapat bekerjasama dengan Malaysia melalui lawatan ini, untuk meneruskan persahabatan tradisional, memperdalam dan mengembangkan kerjasama dalam pelbagai bidang, memperkuuh dan memantapkan komuniti China-Malaysia dengan masa depan bersama dan bersama-sama membuka lembaran baharu 50 tahun hubungan dua hala yang lebih gemilang," kata jurucakap Kementerian Luar China, Lin Jian,

semasa sidang akhbar di Beijing pada 11 Jun.

Lawatan Li akan memberikan peluang yang baik bagi Malaysia dan China untuk menilai kemajuan dalam hubungan dan kerjasama dua hala yang pelbagai serta meneroka peluang perkongsian baharu pada masa hadapan.

Presiden Center For New Inclusive Asia, Prof Koh King Kee berkata lawatan itu penting dalam menandakan ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik Malaysia-China, sambil menekankan kepentingan yang diberikan oleh kedua-dua negara terhadap hubungan dua hala mereka.

Lawatan itu dijangka akan meningkatkan lagi kepercayaan politik antara kedua-dua negara dan mengukuhkan peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN tahun depan, katanya.

"Lawatan Li dijangka akan meningkatkan hubungan dua hala ke tahap baharu, memandangkan pemimpin kedua-dua negara komited untuk membina komuniti Malaysia-China dengan masa

depan bersama, membawa lebih banyak manfaat kepada rakyat kedua-dua negara," kata Koh kepada Bernama.

Semasa lawatannya ke Malaysia, Li akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan menghadiri mesyuarat peringkat tinggi dengan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ini akan menandakan pertemuan ketiga antara Anwar dan Li, selepas pertemuan mereka sebelum ini pada April 2023 semasa lawatan rasmi pertama Anwar ke China dan kemudian pada September 2023 di Ekspo China-ASEAN (CAEXPO) ke-20 di Nanning.

Beberapa perjanjian dua hala dan memorandum persefahaman (MoU) dijangka akan ditandatangani semasa lawatan Li. Perdana Menteri China itu juga dijadual melawat tapak pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) di Gombak, satu projek infrastruktur utama di bawah Inisiatif Jalur dan Laluan yang diterajui Beijing. Li juga dijadual menghadiri

majlis makan malam sempena ulang tahun ke-50 hubungan diplomatik.

Pada acara tersebut, sebuah buku peringatan yang menandakan lima dekad hubungan yang berkekalan akan dilancarkan. Buku itu diterbitkan oleh Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dengan kerjasama Kementerian Luar Malaysia. Li, 65, akan menjadi pemimpin politik tertinggi China yang melawat Malaysia dalam tempoh hampir sedekad.

Bekas Perdana Menteri Li Keqiang melawat Malaysia pada November 2015 untuk menghadiri mesyuarat pemimpin Asia Timur. Presiden China Xi Jinping melawat Malaysia pada Oktober 2013, satu peristiwa yang membawa kepada peningkatan hubungan dua hala kepada Perkongsian Strategik Komprehensif.

Malaysia dan China menjalin hubungan diplomatik secara rasmi pada 31 Mei 1974. Sepanjang lima dekad yang lalu, kedua-dua negara telah membina hubungan yang kukuh dan signifikan melangkaui bidang politik, ekonomi, pendidikan dan pelancongan.

Tahun-tahun kebelakangan ini juga menyaksikan peningkatan kerjasama dalam sains dan teknologi serta minat yang semakin meningkat dalam pertukaran antara rakyat, budaya, makanan dan promosi hiburan.

China telah menjadi rakan dagang terbesar Malaysia selama 15 tahun berturut-turut sejak 2009. Pada 2023, jumlah dagangan dengan China bernilai RM450.84 bilion (US\$98.80 bilion), menyumbang 17.1 peratus daripada perdagangan global Malaysia. - ©BERNAMA

Samsung Electronics akan lancarkan pusat penyelidikan AI bersama dengan University

SEOUL, 17 Jun. - Firma teknologi Korea Selatan, Samsung Electronics berkata pada Isnin bahawa ia akan melancarkan sebuah pusat penyelidikan bersama Kecerdasan Buatan (AI) dengan Seoul National University (SNU), lapor Xinhua.

Pusat penyelidikan itu akan melaksanakan projek bersama mengenai teknologi maju AI, seperti AI pada peralatan dan AI pelbagai bentuk untuk tiga tahun akan datang, kata syarikat itu.

Teknologi AI bersepada Samsung, termasuk terjemahan masa nyata, dalam telefon pintar kemegahannya Galaxy S24 yang dikeluarkan awal pada tahun ini, sambil meluaskan integrasi AI kepada produk lain.

Samsung berkata ia akan memupuk dan mendapatkan bakat muda AI menerusi projek bersama itu, yang mana ia dijangka membantu mendapatkan teknologi teras AI dan mengukuhkan daya saingannya dalam dunia AI yang berkembang pantas. - ©BERNAMA

Vietnam sasar pasaran halal

HANOI, 17 Jun. - Kementerian Perindustrian dan Perdagangan Vietnam komited untuk membangunkan rangka kerja perundangan yang menyokong kerjasama antarabangsa dalam membangunkan industri halalnya.

Ini termasuk rundingan dan menandatangani perjanjian perdagangan serta memudahkan perkongsian dengan organisasi dan pengedar di Indonesia, Malaysia dan Emiriah Arab Bersatu (UAE), lapor Agensi Berita Vietnam.

Kementerian itu juga menggesa entiti berkaitan untuk meningkatkan pengedaran produk Vietnam yang disahkan Halal bagi memenuhi keperluan pengekspor, sambil menggalakkan peningkatan pengeluaran dan keupayaan eksport.

"Syarikat-syarikat Vietnam dinasihatkan supaya proaktif mendapatkan pensijilan Halal untuk pasaran yang sesuai, membangunkan produk yang mematuhi piawaian Halal tertentu dan melabur dalam mempromosi jenama yang kukuh untuk menguasai bahagian pasaran (Halal) yang menguntungkan ini," menurut kementerian itu.

Laporan Pusat Penyelidikan Pew meramalkan penduduk Islam mencecah 2.2 bilion menjelang 2030, membawa kepada peningkatan ketara dalam permintaan bagi produk Halal.

Pakar melihat peluang keemasan bagi Vietnam meneroka pasaran Halal yang semakin berkembang pesat, didorong oleh peningkatan populasi Islam global, menurut laporan itu.

Nguyen Tuan dari Pusat Penggalakan Perdagangan dan Pelaburan Bandaraya Ho Chi Minh berkata ekonomi Halal global dijangka mencecah kira-kira US\$10 trilion menjelang 2027. - ©BERNAMA

CHINA, AUSTRALIA SEDIA KUKUHKAN HUBUNGAN DUA HALA

CANBERRA, 18 Jun. - Perdana Menteri China Li Qiang dan rakan sejawatnya dari Australia Anthony Albanese bersetuju untuk mengekalkan hubungan perkongsian strategik komprehensif kedua-dua negara, mengukuhkan trend penambahbaikan hubungan

dua hala dan bersama-sama memelihara keamanan, kestabilan dan kemakmuran serantau dan dunia.

Li dan Albanese mencapai persetujuan tersebut sempena Pertemuan Tahunan Perdana Menteri China-Australia pusingan ke-9 di sini, pada Isnin.

Perancis cipta kemenangan tipis 1-0 ke atas Austria

DUSSELDORF, 18 Jun. - Perancis mencatat kemenangan 1-0 ke atas Austria dalam perlawanan pembukaan Kumpulan D Euro 2024 pada Isnin, hasil jaringan gol sendiri Maximilian Wöber pada minit ke-38, menurut laporan Agensi Berita Jerman (dpa).

Kylian Mbappé membantu mencipta peluang tetapi kemudiannya terpaksa keluar padang akibat kecederaan yang dialami.

Austria, dianggap sebagai 'kuda hitam' oleh beberapa penganalisis kerana prestasi cemerlang mereka di bawah Ralf Rangnick, hanya kalah sekali dalam 16 perlawanan sebelumnya.

Belanda menewaskan Poland 2-1 dalam perlawanan pembukaan kumpulan lain pada Ahad.

Perancis bakal berdepan Belanda pada Jumaat manakala Austria akan menentang Poland. - ©BERNAMA

Peningkatan mendadak import kereta elektrik China ke Jerman

FRANKFURT, 18 Jun. - Bahagian import kenderaan elektrik (EV) dari China ke Jerman meningkat kepada 40.9 peratus dalam empat bulan pertama tahun ini, walaupun jumlah keseluruhan kenderaan yang diimport menurun sebanyak 15.7 peratus, lapor Pejabat Perangkaan Persekutuan (Destatis) pada Selasa.

Suruhanjaya Eropah minggu lepas memberi amaran bahawa ia mungkin mengenakan tarif punitif ke atas kenderaan elektrik China, langkah yang juga boleh memberi kesan kepada pengeluar kereta Jerman yang membuat kenderaan di China untuk pasaran eksport, lapor Agensi Berita Jerman dpa memetik Destatis.

Menurut Destatis, import kenderaan elektrik dari China telah meningkat dengan ketara, dengan 29.0 peratus daripada 447,200 unit yang diimport ke Jerman tahun lalu berasal dari China. Selepas itu ialah Korea Selatan, jauh di belakang dengan 9.9 peratus, atau 44,200 unit, diikuti oleh Republik Czech dengan 9.3 peratus, atau 41,600 unit.

Bahagian China pada 2022 adalah sebanyak 12.0 peratus dan pada 2020 sebanyak 7.7 peratus.

Suruhanjaya Eropah telah menyiasat import kereta elektrik China sejak musim luruh lepas untuk subsidi negara yang mengganggu persaingan dalam blok itu.

Menurut maklumat dari suruhanjaya itu, kereta elektrik China sekitar 20 peratus lebih murah daripada model yang dihasilkan di Kesatuan Eropah. Ia mengaitkan perbezaan itu kepada subsidi negara yang tidak adil.

Tiada keputusan muktamad mengenai tarif telah diambil kerana penyelesaian sedang dicari untuk masalah itu. - ©BERNAMA

Lapan maut dalam kebakaran hospital di Iran : Laporan

TEHRAN, 18 Jun. - Lapan orang terkorban dalam kebakaran di sebuah hospital di Iran, lapor Agensi Berita Jerman (dpa) yang memetik laporan media.

Kebakaran berlaku di sebuah hospital di bandar Rasht berhampiran Laut Caspian di utara negara itu, menurut agensi berita negara IRNA pada Selasa.

Menurut penemuan awal, mangsa yang terkorban adalah pesakit di unit rawatan rapi. Puluhan anggota bomba dikerahkan ke tempat kejadian, kata ketua perkhidmatan kecemasan di bandar itu dalam satu wawancara dengan televisyen negara.

Punca kebakaran sedang disiasat. Menurut laporan, sekitar 140 pesakit telah diselamatkan, namun terdapat kebimbangan bahawa mungkin terdapat lebih ramai mangsa. - ©BERNAMA

Liberkata ciri-ciri teras hubungan antara China dan Australia adalah saling menguntungkan manakala pembangunan kedua-dua negara ini juga adalah peluang tetapi bukan cabaran.

Beliau meneckankan bahawa China bersedia berkolaborasi dengan pihak Australia untuk memanfaatkan mekanisme sedia ada seperti dialog ekonomi strategik China-Australia, demi meluaskan skop perdagangan, meningkatkan kerjasama dalam sektor kenderaan tenaga baharu (NEV) dan jana kuasa elektrik tenaga boleh baharu (TBB) serta memperkasakan pertukaran dan kerjasama dalam sektor kebudayaan dan pelancongan.

Di samping itu, Li menzhirkan harapan agar pihak Australia dapat menyediakan iklim perniagaan yang adil, sama rata dan tanpa diskriminasi kepada syarikat China.

Albanese pula menyatakan, pihaknya menyokong membangun dan kemakmuran China sementara memberi pujian ke atas sumbangan China terhadap pengurangan kemiskinan di peringkat antarabangsa.

Beliau menegaskan pendirian Australia dalam mempertahankan dasar satu China dan tidak menyokong "kemerdekaan Taiwan".

Albanese berkata Australia bersedia meningkatkan dialog dan



kerjasama dengan China dalam pelbagai bidang untuk membaiki dan memajukan hubungan kedua-dua negara.

Sempena lawatan Li ke Australia, China turut mengumumkan keputusan untuk memasukkan Australia dalam senarai negara pengecualian visa secara sepakat. Selain itu, kedua-dua negara juga akan memberikan visa multi masuk selama tiga hingga lima tahun kepada pengembala masing-masing bagi tujuan melancong, menjalankan urus niaga dan mengunjungi saudara mara. - ©BERNAMA

Ketua PBB seru hentikan kerosakan di bumi

NEW YORK, 18 Jun. - Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Antonio Guterres pada Isnin menyeru tindakan segera bagi menghentikan kerosakan di Bumi dengan menyatakan hampir 40 peratus tanah di planet ini telah terjejas, lapor Xinhua.

"Keselamatan, kemakmuran dan kesihatan berbilion orang bergantung pada tanah subur yang menyokong kehidupan, mata pencarian dan ekosistem, tetapi kita sedang merosakkan Bumi yang menyokong kita.

"Tanah yang subur bukan sahaja membekalkan hampir 95 peratus sumber makanan tetapi banyak lagi.

"Ia menyediakan tempat tinggal, peluang pekerjaan dan mata pencarian serta melindungi masyarakat daripada kemarau, banjir dan kebakaran hutan yang semakin teruk," kata ketua PBB dalam mesej video sempena Hari Alam Sekitar Sedunia bertemakan 'Land Restoration, Desertification and Drought Resilience' yang disambut setiap tahun pada 17 Jun.

Beliau menyeru kerajaan, ahli perniagaan, ahli akademik, komuniti setempat dan orang ramai untuk bersatu dan menghentikan kerosakan sempena Hari Alam Sekitar Sedunia tahun ini.

"Ia telah dinyatakan dengan jelas dalam Konvensyen PBB untuk

Memerangi Kemusnahan Tanah (UNCCD). Semasa kita meraikan ulang tahun ke-30 konvensyen ini, dunia mesti mempercepatkan pelaksanaannya," kata beliau.

Bagi menjayakan hasrat ini, beliau berkata terdapat keperluan membina momentum ke arah Persidangan Negara-Negara Pihak UNCCD (COP16) yang dijadual diadakan di Riyadh, Arab Saudi pada Disember 2024 dan memastikan suara golongan muda didengari dalam rundingan itu.

"Bersama-sama, mari kita semai benih masa depan yang subur demi alam semula jadi dan manusia," kata Guterres. - ©BERNAMA

Empat sekeluarga maut dalam kejadian tanah runtuhan di Vietnam

HANOI, 18 Jun. - Empat sekeluarga maut dalam kejadian tanah runtuhan di wilayah Bac Kan utara Vietnam awal pagi Selasa, lapor Xinhua memetik laporan media tempatan.

Dalam kejadian pada 12.30 pagi (1730 GMT) waktu tempatan, lima beranak dikatakan sedang tidur

sebelum tanah runtuhan menimbul sepenuhnya rumah mereka.

Empat daripada mereka termasuk bayi berusia sebulan terkorban dan hanya seorang berjaya menyelamatkan diri.

Taburan hujan di wilayah itu direkodkan sekitar 90 milimeter

(mm) dari 8 malam pada Isnin hingga 6.30 pagi pada Selasa, lapor Agensi Berita Vietnam.

Menurut Pejabat Perangkaan Am negara, bencana alam menyebabkan 39 orang maut dan hilang dari Jan hingga Mei. - ©BERNAMA

Hujan lebat di El Salvador ragut 11 nyawa, 880 terpaksa berpindah

SAN SALVADOR, 18 Jun. - Hujan lebat yang melanda El Salvador sejak Jumaat telah meragut 11 nyawa manakala lebih 880 penduduk terpaksa berpindah, menurut Suruhanjaya Perlindungan Awam Negara pada Isnin.

Pengarah Sistem Perlindungan Awam Negara, Luis Alonso Amaya memberitahu sidang media

bahawa tiga daripada mangsa merupakan kanak-kanak, lapor Xinhua.

Sementara itu, Menteri Dalam Negeri Juan Carlos Bidegain berkata 117 pusat perlindungan sedia ada mampu menampung sehingga 6,400 orang.

Ketika ini, sebanyak 34 pusat perlindungan telah beroperasi,

menyediakan tempat tinggal untuk 882 mangsa banjir termasuk 443 dewasa dan 439 kanak-kanak.

Dewan Perundungan mengisyiharkan darurat selama 15 hari pada Ahad, kata Bidegain.

Kerajaan tempatan memaklumkan sebanyak 42 kejadian tanah runtuhan direkodkan setakat ini. - ©BERNAMA



ePaper Pelita Brunei



NASIB TIDAK MENYEBELAHI DPMM FC



ANTARA aksi perlawanan di antara Brunei DPMM FC menentang Lion City Sailors FC pada perlawanan Liga Perdana Singapura yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura (kiri dan kanan).



pada babak ini masih menemui kegagalan.

Pada babak kedua, kedua-dua pasukan kembali melakukan beberapa percubaan ke gawang masing-masing, tetapi tuah memihak Lion City Sailors FC selepas berjaya memecahkan kebuntuan pada minit ke-87 menerusi jaringan Shawal Anuar.

Peluang hadir sekali lagi bagi pasukan berkenaan apabila sepakan yang disempurnakan Maxime Lestienne berjaya membolos gawang DPMM FC pada masa tambahan (minit 90+5), yang menjadikan kedudukan berubah 0 - 2.

Dengan kemenangan ini, Lion City Sailors FC naik satu tangga ke kedudukan kedua, manakala Brunei DPMM FC kekal di kedudukan keempat.

Perlawanan Brunei DPMM FC seterusnya

bertermu Geylang International yang akan diadakan di Stadium Negara Hassanal Bolkiah pada 22 Jun 2024, jam 8.15 malam.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Tangkap Layar Youtube Singapore Premier League

SINGAPURA, Selasa, 18 Jun. - Kemaraan pasukan Brunei DPMM FC terbantut selepas tewas 0 - 2 kepada Lion City Sailors FC pada perlawanan Liga Perdana Singapura (SPL) yang berlangsung di Stadium Jalan Besar, Singapura, malam tadi.

Pada babak pertama, Lion City Sailors dilihat lebih aktif melancarkan serangan ke pintu gawang DPMM FC dengan melakukan percubaan demi percubaan, namun rembatan para pemainnya sering kali tersasar membuatkan peluang untuk menjaringkan gol

Larian Hari Olimpik 23 Jun ini

Siaran Akhbar dan Infografik :
Jabatan Belia dan Sukan



LALUAN bagi setiap kategori iaitu 1.8 kilometer (km) bagi Kategori Lelaki dan Perempuan 12 Tahun Ke Bawah 12 Tahun, dan Orang Kurang Upaya (kiri); laluan 3km bagi Kategori Lelaki dan Wanita 60 Ke Atas (tengah); dan laluan 5km bagi Kategori Lelaki dan Wanita Terbuka (kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 17 Jun. - Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam (BDNOC) dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedang bersiap sedia untuk menganjurkan Larian Hari Olimpik pada Ahad, 23 Jun 2024 ini.

Larian Hari Olimpik 2024 di Negara Brunei Darussalam akan bermula dari Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien di tengah-tengah Bandar Seri Begawan.

Acara yang dijadualkan bermula jam 7.00 pagi itu menjanjikan kemeriahkan Olimpik dengan nilai-nilai kecemerlangan, persahabatan, dan penghormatan.

Laluan itu akan membawa peserta melalui

jalan-jalan indah sepanjang ibu negara, melepassi mercu tanda seperti Masjid Sultan Omar 'Ali Saifuddien, Taman Mahkota Jubli Emas, dan Kampong Ayer sebelum berakhir semula di titik permulaan.

Para peserta juga akan melalui stesen air khas di sepanjang jalan, untuk memastikan keperluan penghidratan mereka dipenuhi sepanjang larian.

Laluan ini telah dirancang dengan teliti untuk memberikan pengalaman larian yang menyeronokkan dan memamerkan beberapa pemandangan budaya dan seni bina tempatan.

Laluan untuk setiap kategori ialah 1.8 kilometer (km) bagi Kategori Lelaki dan Perempuan 12 Tahun Ke Bawah 12 Tahun,

dan Orang Kurang Upaya; laluan 3km bagi Kategori Lelaki dan Wanita 60 Ke Atas; dan laluan 5km bagi Kategori Lelaki dan Wanita Terbuka.

Peserta digalakkan untuk membiasakan diri dengan laluan sebelum hari acara untuk memastikan pengalaman larian yang lancar dan menyeronokkan.

Peserta yang berdaftar untuk Larian Hari Olimpik 2024 dikehendaki mengambil baju acara masing-masing pada hari yang dijadualkan pada 23 Jun 2024.

Tempat berkumpul ialah di Grand Stand, Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, bermula dari jam 5:30 dan berakhir jam 6.30 pagi.

Untuk maklumat penting dan diambil perhatian bahawa hanya peserta yang berdaftar dibenarkan untuk mengambil baju Larian Hari Olimpik mereka.

Tiada urusan kutip alternatif boleh dibuat kepada mereka yang tidak dapat mengambil baju mereka pada tarikh yang ditetapkan.

Peserta yang berdaftar mesti membawa resit mereka dan satu bentuk pengenalan diri (seperti kad pengenalan atau sebarang dokumen relevan lain) untuk tujuan pengesahan.

Bagi peserta berkeperluan khas, tempat penghantaran yang ditetapkan terletak di hadapan Jabatan Elektrik bagi memudahkan proses pengambilan yang lebih lancar.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

HAYATI SEJARAH PENSYARIATAN IBADAH KORBAN